



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2009

PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN / JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN	
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009	
1. Pendahuluan	3
2. Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
3. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009	4
BAHAGIAN II	
PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
4. Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	7
5. Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan (Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti)	54
6. Pengurusan Kewangan Di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia Dan Jabatan Imigresen Negeri	70
7. Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri	85
8. Pemeriksaan Audit Mengejut	92
BAHAGIAN III	
PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH	
MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM	
9. Program Anak Angkat	97
10. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi	104
BAHAGIAN IV	
PERKARA AM	
11. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2008	107
12. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	107
PENUTUP	113
LAMPIRAN	
LAMPIRAN A1 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009	119
LAMPIRAN A2 - Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia	123
- Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2009	125
- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009	127
- Penyata Akaun Memorandum Seperti Pada 31 Disember 2009	129
- Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009	131



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut :-

1.1. Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Seperti mana pada tahun 2008, Laporan saya hasil daripada pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2009 dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan dilaporkan secara berasingan daripada Laporan saya berhubung dengan pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan dan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Pengasingan ini dibuat bagi memudahkan rujukan dan memberi lebih impak kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan Tahun 2009 mengandungi perkara-perkara berikut :-

Bahagian I : Pengesahan Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Bahagian III : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Pelbagai Aktiviti Ke Arah Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam

Bahagian IV : Perkara Am

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2009 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Berhubung dengan pengurusan kewangan, pengauditan mendapati masih ada beberapa peraturan kewangan yang tidak dipatuhi sepenuhnya oleh beberapa Kementerian dan Jabatan yang terlibat. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan; ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi masih berterusan berlaku.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :-

4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset dan stor. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (role model) kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

4.2. Jabatan Audit Negara juga telah menerbitkan buku **Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara**. Buku ini merupakan satu lagi langkah proaktif Jabatan ini dalam menambah baik pengurusan kewangan Kerajaan dan diharap dapat memandu Ketua Jabatan untuk mendapat penilaian dan penarafan yang baik di bawah Sistem Indeks Akauntabiliti dengan memberi contoh-contoh tentang kelemahan-kelemahan yang biasa dikenal pasti oleh Jabatan ini. Adalah diharap juga buku ini akan digunakan sebagai bahan latihan di institusi latihan Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam.

4.3. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 198 Jabatan/Pejabat Persekutuan di seluruh negara.

4.4. Jabatan Audit Negara juga telah meneruskan pelaksanaan Program Anak Angkat yang mula diperkenalkan pada tahun 2003. Melalui program ini, beberapa pejabat Kerajaan yang telah dikenal pasti menghadapi masalah pengurusan kewangan telah dipilih dan diberi bimbingan serta nasihat bagi membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat di 5 pejabat. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Pejabat Anak Angkat yang dipilih telah bertambah baik setelah diberikan bimbingan dan latihan.

4.5. Jabatan Audit Negara juga terus terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga Mei 2010, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 82 Ketua Jabatan. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Jabatan berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

4.6. Pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan di peringkat pembangunan sistem berkomputer di beberapa Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
16 Jun 2010



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. Secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

2. Pada tahun 2009, Kerajaan telah meluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM168.14 bilion di mana sejumlah RM157.07 bilion (93.4%) telah dibelanjakan. Sebanyak 11 Kementerian telah **berbelanja melebihi peruntukan** untuk emolumen, perkhidmatan dan bekalan, perolehan aset serta pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Manakala daripada RM55.84 bilion peruntukan pembangunan yang telah diluluskan, sejumlah RM49.52 bilion (88.7%) pula telah dibelanjakan untuk melaksanakan 1,202 projek. Kerajaan menerima hasil berjumlah RM158.64 bilion berbanding RM159.79 bilion pada tahun 2008. **Akaun Belum Terima bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan pada akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM21.93 bilion berbanding RM12.06 bilion pada akhir tahun 2005 iaitu meningkat sebanyak 81.8%.**

Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan

3. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 25 Kementerian dan 44 Jabatan Persekutuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di pejabat berkenaan telah diuruskan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah meneruskan pelaksanaan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti yang telah dilaksanakan mulai tahun 2007. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (role model) kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Hasil daripada penarafan yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan

tahun 2009 mendapati prestasi pengurusan kewangan 10 Kementerian dan 4 Jabatan adalah pada tahap cemerlang; 15 Kementerian dan 36 Jabatan pada tahap baik manakala 4 Jabatan pada tahap memuaskan. Bagi Jabatan Imigresen Malaysia selain daripada menjalankan pengauditan di peringkat Ibu Pejabat, pengauditan juga dijalankan di 15 cawangannya di seluruh negara. Selain itu bagi Kementerian Luar Negeri, pengauditan juga dijalankan di 14 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

4. Arahan Perbendaharaan menetapkan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 198 Jabatan/Pejabat Persekutuan. Hasil daripada pemeriksaan audit mengejut yang dijalankan mendapati beberapa kes di mana wang awam dan barangan berharga disimpan di tempat yang tidak selamat, pungutan lewat dibankkan dan baki wang tunai di tangan berbeza dengan baki yang direkodkan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat dan juga penilaian khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Sepanjang tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat di 5 Pejabat Persekutuan. Bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga Mei 2010 pula, penilaian khas telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 82 Ketua Jabatan.



BAHAGIAN I

**PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

BAHAGIAN I

PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan perakaunan tunai ubahsuai.

1.2. Penyata Kewangan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 8 Mac 2010. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2009 mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diterima pakai oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan sumber dan penggunaan dana bagi tahun 2009. Sumber dana adalah terdiri daripada hasil dan terimaan pinjaman, modal dan amanah. Penggunaan dana adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus; pembangunan; modal; bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti amanah dan deposit.

1.2.3. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan. Aset Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut; Pelaburan dan Jaminan Deposit Berkanun. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Awam; Jaminan dan Pelbagai Liabiliti.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagi membolehkan Ketua Audit Negara memberi pendapat yang mempunyai asas yang munasabah, pengauditan telah dirancang dan dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan dan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 Bagi Pengauditan Penyata Kewangan.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2009 dan telah disiapkan sebelum Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 diterima daripada Akauntan Negara Malaysia. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah diperlukan. Sehubungan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut. Oleh itu, **Ketua Audit Negara berpendapat Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di Lampiran A1 manakala Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia berhubung dengan penyediaan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di Lampiran A2.**



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

4. PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2009, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Pada umumnya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2009 adalah lebih baik berbanding tahun 2008 dimana terdapat lebihan dana berjumlah RM6.32 bilion pada akhir tahun 2009 berbanding defisit berjumlah RM1.54 bilion pada akhir tahun 2008. Bagaimanapun beberapa kelemahan berhubung dengan penggunaan dana dan pungutan hasil yang telah dibangkitkan pada tahun-tahun yang lalu masih berlaku. Perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut :-

4.1. SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2009


4.1.1. Bagi tahun 2009, Kerajaan Persekutuan mempunyai sumber dana berjumlah RM659.89 bilion terdiri daripada hasil dan terimaan pinjaman, modal serta amanah/deposit. Bagi tahun yang sama, penggunaan dana untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan amanah/deposit adalah berjumlah RM653.57 bilion. **Ini membolehkan Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebihan dana berjumlah RM6.32 bilion pada akhir tahun 2009.** Bagaimanapun, terimaan hasil berjumlah RM158.64 bilion dan terimaan serta bayaran wang amanah/deposit yang masing-masingnya berjumlah RM393.56 bilion dan RM390.94 bilion adalah termasuk amaun pelarasan tidak melibatkan aliran wang tunai. Butiran sumber dan penggunaan dana adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.1
SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 DAN 2009

BUTIRAN	TAHUN		JUMLAH PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)	PERATUSAN (%)
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)		
SUMBER DANA				
Hasil	159,793.39	158,639.30	(1,154.09)	0.7
Terimaan Pinjaman	72,156.04	107,170.71	35,014.67	48.5
Terimaan Modal	976.24	521.69	(454.55)	46.6
Terimaan Amanah/Deposit	298,324.30	393,562.42	95,238.12	31.9
Jumlah Sumber Dana	531,249.97	659,894.12	128,644.15	24.2
PENGGUNAAN DANA				
Perbelanjaan Mengurus	153,498.89	157,066.96	3,568.07	2.3
Perbelanjaan Pembangunan	42,847.33	49,515.36	6,668.03	15.6
Perbelanjaan Modal	6,709.84	5,123.32	(1,586.52)	23.6
Bayaran Balik Pinjaman	34,574.21	50,931.19	16,356.98	47.3
Bayaran Amanah/Deposit	295,160.40	390,936.97	95,776.57	32.4
Jumlah Penggunaan Dana	532,790.67	653,573.80	120,783.13	22.7
LEBIHAN/(KURANGAN) DANA	(1,540.70)	6,320.32	7,861.02	>100

4.1.2. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009, kedudukan lebih/kurangan dana Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **Carta 4.1**. Dana menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2006 di mana Kerajaan mengalami defisit sejumlah RM10.61 bilion. **Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah berjaya mengurangkan defisit mulai tahun 2007 kepada lebih dana berjumlah RM6.32 bilion pada tahun 2009.**

CARTA 4.1
LEBIHAN / KURANGAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005 HINGGA 2009




4.1.3. Sumber Dana

4.1.3.1. Hasil

- a. Secara keseluruhannya, hasil Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan daripada tahun 2005 hingga 2008. Bagaimanapun bagi tahun 2009, hasil Kerajaan Persekutuan berkurangan sedikit kepada RM158.64 bilion berbanding RM159.79 bilion pada tahun 2008 seperti di **Carta 4.2**. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 menunjukkan penurunan berjumlah RM1.15 bilion atau 0.7% berbanding dengan tahun 2008 walaupun pelbagai terimaan hasil meningkat 54.1% kepada RM1.07 bilion. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.2**.

CARTA 4.2
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005 HINGGA 2009



**JADUAL 4.2
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2008 DAN 2009**

JENIS HASIL	TAHUN		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	112,897.30	106,504.41	(6,392.89)	5.7
Hasil Bukan Cukai	45,911.46	50,789.24	4,877.78	10.6
Pelbagai Terimaan	692.73	1,067.56	374.83	54.1
Hasil Wilayah Persekutuan	291.90	278.09	(13.81)	4.7
JUMLAH	159,793.39	158,639.30	(1,154.09)	0.7

- b. Penurunan hasil berjumlah RM1.15 bilion antara lainnya disebabkan oleh bayaran skim ansuran cukai pendapatan yang lebih rendah bagi syarikat, kemerosotan harga minyak mentah dan ekonomi dunia. Antara butiran hasil yang mencatatkan penurunan melebihi RM1.0 bilion adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.3
PENURUNAN HASIL MELEBIHI RM1 BILION**

BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PENGURANGAN (RM Juta)	PUNCA PENGURANGAN
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)		
Cukai Pendapatan Dan Tambahan Cukai Pendapatan Syarikat	37,741.15	30,199.48	7,541.67	Bayaran Skim Ansuran Cukai Pendapatan Yang Lebih Rendah Bagi Syarikat
Petroleum Mentah	2,703.30	1,104.00	1,599.30	Kemerosotan Harga Minyak Mentah Dunia
Cukai Jualan Atas Import Yang Lain	1,901.83	798.34	1,103.49	Kemerosotan Ekonomi Dunia

- c. Sungguhpun pada tahun 2008, pihak Audit telah membangkitkan tentang kutipan hasil diperakaukan di bawah beberapa Kementerian/Jabatan yang bukan merupakan pemungut hasil berdasarkan portfolio Kementerian/Jabatan berkenaan namun didapati perkara yang sama masih berlaku pada tahun 2009. Sungguhpun amaun yang terlibat adalah kecil, perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana ia menggambarkan Kementerian/Jabatan terlibat tidak membuat pengesahan dengan teliti terhadap Laporan Hasil Bulanan yang dikemukakan oleh Pejabat Perakaunan. Contoh kutipan hasil yang tidak berkaitan adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.4
CONTOH KUTIPAN HASIL YANG TIDAK BERKAITAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	JENIS HASIL	JUMLAH (RM)
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Bayaran Lain Untuk Radio, Televisyen Dan Alat Elektrik	1,476.00
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	Bayaran Lain - Penerbangan	258,588.00
	Bayaran Ikhtisas - Mahkamah	2,680.00
	Surcaj Cukai Perkhidmatan	440.00
Kementerian Pengangkutan	Pendaftaran Beranak, Anak Angkat Dan Kematian	35.00
	Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan	1,538.00
	Bayaran Perniagaan - Permit Petroleum	172,817.50
	Bayaran Ikhtisas - Mahkamah	760.00

4.1.3.2. Terimaan Pinjaman

- a. Sumber dana Kerajaan yang lain ialah pinjaman dalam negeri dan luar negeri. Pada tahun 2009, Kerajaan telah membuat pelbagai pinjaman berjumlah RM107.17 bilion berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM72.16 bilion. Pinjaman dalam negeri adalah terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sukuk dan pinjaman lain daripada institusi kewangan. Manakala pinjaman luar negeri adalah terdiri daripada pinjaman projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.5
PENERIMAAN PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI
PADA TAHUN 2008 DAN 2009**

JENIS PINJAMAN	TAHUN		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
DALAM NEGERI				
Bil Perbendaharaan	6,483.77	6,619.90	136.13	2.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	16,500.00	28,500.00	12,000.00	72.7
Sekuriti Kerajaan Malaysia	43,500.00	60,000.00	16,500.00	37.9
Sukuk	-	5,000.00	5,000.00	100
Pinjaman Lain	5,200.00	6,600.00	1,400.00	26.9
Jumlah Pinjaman Dalam Negeri	71,683.77	106,719.90	35,036.13	48.9
LUAR NEGERI				
Pinjaman Projek	472.27	450.81	(21.46)	4.5
Jumlah Pinjaman Luar Negeri	472.27	450.81	(21.46)	4.5
JUMLAH TERIMAAN PINJAMAN	72,156.04	107,170.71	35,014.67	48.5

- b. Pada akhir tahun 2009, hutang awam dalam negeri dan luar negeri yang belum selesai adalah berjumlah RM362.39 bilion iaitu meningkat sejumlah RM55.95 bilion disebabkan peningkatan hutang dalam negeri. Hutang dalam negeri berjumlah RM348.60 bilion merupakan 96.2% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada akhir tahun 2009 adalah 53.7% iaitu paras tertinggi dalam 5 tahun dan melebihi 50% buat pertama kalinya. Kedudukan baki hutang awam dan nisbah hutang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada akhir tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.6
HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NISBAH HUTANG
KEPADA KDNK PADA AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2009**

TAHUN	HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN					NISBAH HUTANG KEPADA KDNK (%)
	DALAM NEGERI (RM Juta)	LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENGURANGAN)		
				(RM Juta)	(%)	
2005	201,758.16	26,912.09	228,670.25	12,046.58	5.6	46.2
2006	217,220.00	25,005.09	242,225.09	13,554.84	5.9	42.3
2007	247,120.00	19,602.34	266,722.34	24,497.25	10.1	42.8
2008	286,121.30	20,316.11	306,437.41	39,715.07	14.9	41.4
2009	348,599.96	13,786.21	362,386.17	55,948.76	18.3	53.7

KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

4.1.3.3. Terimaan Modal

Selain daripada hasil yang dipungut dan pinjaman, terimaan modal terdiri daripada bayaran balik pinjaman oleh Agensi Kerajaan, jualan aset modal dan pelbagai terimaan modal adalah juga merupakan sumber dana Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun 2009, jumlah terimaan daripada sumber ini ialah RM521.69 juta berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM976.24 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.7
TERIMAAN MODAL PADA TAHUN 2008 DAN 2009**

TERIMAAN	TAHUN		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Bayaran Balik Pinjaman	958.68	518.79	(439.89)	45.9
Jualan Aset Modal	15.24	0.001	(15.24)	100.0
Pelbagai Terimaan Modal	2.32	2.90	0.58	25.0
JUMLAH	976.24	521.69	(454.55)	46.6

4.1.3.4. Terimaan Wang Amanah Dan Deposit

Sumber dana Kerajaan yang lain ialah terimaan wang amanah dan deposit. Pada tahun 2009, jumlah terimaan daripada sumber ini **termasuk amaun pelarasan bagi beberapa transaksi yang tidak melibatkan aliran wang tunai** ialah RM393.56 bilion berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM298.32 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.8
TERIMAAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT
PADA TAHUN 2008 DAN 2009**

TERIMAAN	TAHUN		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang/Akaun Amanah	283,030.49	369,946.93	86,916.44	30.7
Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan	9,602.35	19,017.24	9,414.89	98.0
Deposit	5,691.46	4,598.25	(1,093.21)	19.2
JUMLAH	298,324.30	393,562.42	95,238.12	31.9

4.1.4. Penggunaan Dana

4.1.4.1. Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan asal perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM154.17 bilion termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama berjumlah RM7.0 bilion. Bagi tahun 2009, Kerajaan juga meluluskan peruntukan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM5.0 bilion. Sehingga akhir tahun 2009, sejumlah RM157.07 bilion daripada peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM168.14 bilion telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-


**JADUAL 4.9
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGRUS**

PERKARA	JUMLAH TAHUN 2008 (RM Juta)	JUMLAH TAHUN 2009 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Peruntukan :				
i) Asal	128,799.15	154,169.80*	25,370.65	19.7
ii) Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua/Tambahan I	20,153.68	5,000.00		
iii) Tambahan Kedua	12,958.57	8,972.28		
Jumlah Peruntukan Mengurus	161,911.40	168,142.08	6,230.68	3.8
Perbelanjaan Sebenar	153,498.89	157,066.96	3,568.07	2.3
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	6,294.50	1,572.34		

Nota : () - Termasuk Peruntukan PRE I - RM7.0 bilion*

- a. Perbelanjaan mengurus yang terlibat ialah bayaran emolumen berjumlah RM42.78 bilion, perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM26.37 bilion, perolehan aset berjumlah RM2.58 bilion, pemberian dan kenaaan bayaran tetap berjumlah RM84.65 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM0.69 bilion. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 berbanding dengan 4 tahun sebelumnya adalah seperti di carta berikut :-

**CARTA 4.3
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGRUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2009**



- b. Mengikut peraturan kewangan, sesuatu perbelanjaan hanya boleh dilakukan jika peruntukan kewangan yang mencukupi diluluskan. Semakan Audit mendapati peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya oleh beberapa Kementerian/Jabatan yang telah berbelanja tanpa peruntukan, berbelanja melebihi peruntukan mengikut objek am atau tidak membelanjakan


tambahan peruntukan yang diluluskan. Ini menunjukkan masih ada kelemahan dari segi perancangan dan pengurusan perbelanjaan. Kedudukan mengenai kelemahan pengurusan perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di jadual dan carta berikut :-

**JADUAL 4.10
KEDUDUKAN KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN
MENGURUS BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2009**

PERKARA	TAHUN				
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Perbelanjaan Tanpa Peruntukan	20.45	4.98	8.92	0.52	45.49
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	2,608.80	4,077.53	2,238.94	5,700.43	4,830.80
Tambahan Peruntukan Tidak Dibelanjakan	115.61	502.30	285.49	48.23	62.20

Nota : Semua Jumlah Termasuk Emolumen

**CARTA 4.4
KEDUDUKAN KELEMAHAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2009**



- c. Analisis Audit yang telah dijalankan terhadap perbelanjaan mengurus tahun 2009 mendapati 195 kes kelemahan pengurusan perbelanjaan melibatkan beberapa Kementerian/Jabatan. Hasil analisis tersebut mendapati **118 kes** di mana perbelanjaan tanpa peruntukan dan perbelanjaan melebihi peruntukan yang melibatkan bayaran selain emolumen seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.11
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2009**

PERKARA	BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT	BILANGAN KES	JUMLAH (RM Juta)
TIDAK MENGIKUT PERATURAN			
Perbelanjaan Tanpa Peruntukan	7	9	1.04 *
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	24	109	527.43 *
KELEMAHAN DARI SEGI PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN			
Tambahan Peruntukan Tidak Dibelanjakan	21	77	62.20
JUMLAH		195	590.67

Nota : () - Jumlah Tidak Termasuk Emolumen*

- i. Semakan Audit selanjutnya mendapati 9 kes perbelanjaan tanpa peruntukan berlaku di 7 Kementerian/Jabatan yang melibatkan perbelanjaan selain daripada emolumen adalah berjumlah RM1.04 juta seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.12
PERBELANJAAN TANPA PERUNTUKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN KES	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
Kementerian Luar Negeri	2	0.81
Kementerian Pengangkutan	1	0.11
Kementerian Sumber Manusia	1	0.05
Kementerian Pengajian Tinggi	1	0.06
Jumlah Kecil	5	1.03
3 Kementerian/Jabatan Lain	4	0.01
JUMLAH KESELURUHAN	9	1.04

- ii. Sebanyak 109 kes perbelanjaan melebihi peruntukan berjumlah RM527.43 juta telah berlaku di 24 Kementerian/Jabatan bagi **bayaran bekalan, perolehan aset serta pemberian dan kenaan bayaran tetap**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.13
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN KES	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	LEBIH BELANJA (RM Juta)	SEBAB LEBIHAN PERBELANJAAN
Kementerian Pertahanan	3	1,113.12	1,274.03	160.91	Bayaran Bekalan Dan Aset
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	4	350.23	446.05	95.82	Bayaran Bekalan Dan Pemberian
Kementerian Luar Negeri	14	240.69	310.57	69.88	Bayaran Bekalan Dan Pemberian
Kementerian Dalam Negeri	13	1,223.22	1,290.87	67.65	Bayaran Bekalan Dan Aset
Kementerian Pelajaran Malaysia	7	173.03	220.81	47.78	Bayaran Bekalan Dan Pemberian
Kementerian Kesihatan	2	1,591.89	1,622.05	30.16	Bayaran Bekalan
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	9	103.45	132.59	29.14	Bayaran Bekalan Dan Pemberian
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	4	80.16	87.60	7.44	Bayaran Bekalan Dan Aset
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	6	46.87	54.07	7.20	Bayaran Bekalan Dan Pemberian
Kementerian Pengangkutan	10	88.62	94.22	5.60	Bayaran Bekalan Dan Aset Pemberian
Jumlah Kecil	72	5,011.28	5,532.86	521.58	
14 Kementerian/Jabatan Lain	37	784.51	790.36	5.85	Bayaran Bekalan, Aset Dan Pemberian
JUMLAH KESELURUHAN	109	5,795.79	6,323.22	527.43	

Pada pandangan Audit, sungguhpun peruntukan mengurus keseluruhan bagi beberapa Kementerian/Jabatan yang terlibat dengan perbelanjaan yang tidak teratur masih mempunyai baki, namun Kementerian/Jabatan berkenaan perlu memastikan peruntukan bagi setiap objek am tidak terlebih dibelanjakan selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.

- iii. Sebanyak 21 Kementerian/Jabatan telah memohon pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka, peruntukan tambahan dan *viremen* berjumlah RM62.20 juta untuk menampung perbelanjaan bagi 77 kes. Semakan Audit mendapati tambahan peruntukan yang diluluskan itu **tidak dibelanjakan langsung** malahan peruntukan asal juga masih mempunyai baki berjumlah RM96.33 juta. Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya Kementerian/Jabatan berkenaan memantau peruntukannya dengan baik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

**JADUAL 4.14
TAMBAHAN PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN KES	PERUNTUKAN ASAL	PERUNTUKAN TAMBAHAN/ KHAS/LUAR JANGKA + VIREMEN	PERUNTUKAN MUKTAMAD	PERBELANJAAN SEBENAR	PERUNTUKAN ASAL TIDAK BELANJA
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Kementerian Pelajaran Malaysia	4	483.75	10.46	494.21	448.54	35.21
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	7	288.31	5.63	293.94	281.10	7.21
Kementerian Pertahanan	4	901.66	13.61	915.27	886.02	15.64
Kementerian Pengajian Tinggi	3	333.07	9.35	342.42	311.98	21.09
Jumlah Kecil	18	2,006.79	39.05	2,045.84	1,927.64	79.15
17 Kementerian/Jabatan Lain	59	699.50	23.15	722.65	682.32	17.18
JUMLAH KESELURUHAN	77	2,706.29	62.20	2,768.49	2,609.96	96.33

- d. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, **11 Kementerian/ Jabatan telah berbelanja RM3.61 bilion melebihi peruntukan keseluruhannya** yang diluluskan untuk Kementerian/Jabatan berkenaan. Bagaimanapun, peruntukan tambahan berjumlah RM3.61 bilion telah diluluskan melalui Waran Am Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 26 Mei 2010 selepas diluluskan oleh Parlimen bagi menampung lebihan perbelanjaan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.15
PERBELANJAAN SEBENAR MELEBIHI PERUNTUKAN KESELURUHAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR		VARIAN (RM Juta)
		JUMLAH (RM Juta)	(%)	
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	161.03	167.86	104.2	(6.83)
Kementerian Sumber Manusia	555.91	569.77	102.5	(13.86)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	807.70	826.97	102.4	(19.27)
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	1,376.33	1,398.31	101.6	(21.98)
Kementerian Luar Negeri	509.58	578.54	113.5	(68.96)

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR		VARIAN (RM Juta)
		JUMLAH (RM Juta)	(%)	
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2,041.25	2,123.14	104.0	(81.89)
Jabatan Perkhidmatan Awam	1,800.16	2,087.90	116.0	(287.74)
Kementerian Kesihatan	11,863.17	12,173.09	102.6	(309.92)
Kementerian Pertahanan	10,650.50	11,311.44	106.2	(660.94)
Kementerian Dalam Negeri	7,149.05	7,818.60	109.4	(669.55)
Kementerian Pelajaran Malaysia	27,350.30	28,822.70	105.4	(1,472.40)
JUMLAH	64,264.98	67,878.32	105.6	(3,613.34)

e. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- i. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun-tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) mendapati bayaran berjumlah RM376.42 juta telah dibuat pada tahun 2009 berbanding RM856.57 juta pada tahun 2008 iaitu penurunan sejumlah RM480.15 juta (56.1%) oleh 39 Kementerian/Jabatan. Ini merupakan satu penurunan yang ketara yang dialu-alukan. Bayaran bagi 11 Kementerian/Jabatan sahaja berjumlah RM351.27 juta iaitu 93.3% daripada jumlah keseluruhan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.16
KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2009

KEMENTERIAN/JABATAN	TAHUN BAYARAN AP58(a)		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(%)
Kementerian Kerja Raya	23.54	56.29	32.75	>100.0
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	26.89	55.37	28.48	>100.0
Kementerian Pengangkutan	15.73	38.07	22.34	>100.0
Kementerian Dalam Negeri	14.76	23.89	9.13	61.9
Kementerian Kesihatan	15.40	17.08	1.68	10.9
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	5.70	6.41	0.71	12.5
Kementerian Pengajian Tinggi	7.11	5.47	(1.64)	23.1
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	17.74	10.99	(6.75)	38.0
Kementerian Pertahanan	67.55	56.06	(11.49)	17.0
Kementerian Pelajaran Malaysia	54.22	37.51	(16.71)	30.8
Jabatan Perdana Menteri	105.37	44.13	(61.24)	58.1
Jumlah Kecil	354.01	351.27	(2.74)	0.3
28 Kementerian/Jabatan Lain	502.56	25.15	(477.41)	95.0
JUMLAH KESELURUHAN	856.57	376.42	(480.15)	56.1

Nota : AP - Arahan Perbendaharaan

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembayaran berjumlah RM137.18 juta di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) pada tahun 2009 bagi 6 Kementerian turut menyumbang kepada perbelanjaan melebihi peruntukan di Kementerian-kementerian tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.17
BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)
BAGI BEKALAN/PERKHIDMATAN UNTUK TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2008

KEMENTERIAN	BAYARAN AP 58(a) (RM Juta)	BEKALAN/ PERKHIDMATAN UNTUK TEMPOH TAHUN	PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN TAHUN 2009 (RM Juta)
Kementerian Pelajaran Malaysia	37.51	2007 - 2008	1,472.40
Kementerian Dalam Negeri	23.89	2003 - 2008	669.55
Kementerian Pertahanan	56.06	2008	660.94
Kementerian Kesihatan	17.08	2003 - 2008	309.92
Kementerian Luar Negeri	1.86	2006 - 2008	68.96
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	0.78	2008	19.27
JUMLAH	137.18		3,201.04

Nota : AP - Arahan Perbendaharaan


- iii. Antara alasan yang diberi oleh Kementerian/Jabatan terlibat terhadap kelewatan menjelaskan tuntutan daripada pembekal adalah disebabkan bil/tuntutan lewat diterima, peruntukan tahun di mana perolehan/perkhidmatan diterima tidak mencukupi dan surat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia lewat diperolehi. **Pada pandangan Audit, masalah kelewatan ini perlu diatasi kerana ia menjejaskan imej Kerajaan dan juga menyebabkan aktiviti yang dirancang pada sesuatu tahun tidak dapat dilaksanakan kerana tidak cukup peruntukan.**

4.1.4.2. Perbelanjaan Pembangunan

- a. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang meliputi tempoh tahun 2006 hingga 2010 telah memperuntukkan RM230.0 bilion untuk membiayai 1,202 projek. Sehingga akhir tahun 2009, Kementerian/Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM168.73 bilion (73.4%) dari jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan di bawah RMKe-9.
- b. Peruntukan pembangunan asal bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM53.73 bilion. Berikutan krisis ekonomi, Kerajaan telah meluluskan tambahan peruntukan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM5.0 bilion menjadikan peruntukan pembangunan keseluruhan berjumlah RM58.73 bilion seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 4.5**. Bagaimanapun, setelah mengambil kira perbezaan antara waran penyekatan berjumlah RM4.89 bilion dan pengeluaran Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2.0 bilion, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah

RM55.84 bilion. Peruntukan ini adalah untuk membiayai 1,202 projek termasuk 104 projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah RM49.52 bilion (88.7%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.18**.

CARTA 4.5
ANGGARAN ASAL PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009
MENGIKUT SEKTOR



JADUAL 4.18
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009 (ASAL)		PERUNTUKAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA		PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)		
Jabatan Perdana Menteri	98	10,288.56	6	257.19	7,616.18	6,342.02
Kementerian Pelajaran Malaysia	57	4,053.60	6	1,054.84	5,281.44	5,136.58
Kementerian Pengajian Tinggi	29	4,433.56	2	70.19	4,503.74	4,119.07
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	61	2,780.66	11	357.89	3,581.29	3,566.05
Kementerian Kerja Raya	79	2,589.95	9	317.75	3,167.54	3,507.92
Kementerian Pengangkutan	36	3,078.57	3	190.51	3,430.08	3,157.68
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	111	2,325.74	2	111.80	2,537.54	2,572.13
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	135	2,777.27	6	104.28	2,930.45	2,556.72
Kementerian Kesihatan	25	2,282.87	7	283.72	2,566.60	2,539.75
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	47	1,298.23	2	650.00	2,646.40	2,448.83
Kementerian Pertahanan	12	2,351.15	2	13.48	2,364.63	2,300.21
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	29	3,059.68	8	238.52	2,576.99	2,173.86
Perbendaharaan Malaysia	49	1,314.85	5	550.60	1,991.29	1,732.09
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	33	1,339.77	8	192.45	1,582.09	1,491.62
Kementerian Dalam Negeri	50	1,102.31	6	112.42	1,557.02	1,368.32
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	37	2,529.09	TB	TB	1,529.09	1,061.76
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	79	79.12	3	96.51	896.23	845.20
Kementerian Belia Dan Sukan	33	746.06	2	30.08	776.15	601.29

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009 (ASAL)		PERUNTUKAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA		PERUNTUKAN MUKTAMAD	PERBELANJAAN SEBENAR
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Kementerian Pelancongan	11	286.02	4	100.87	386.89	363.28
Kementerian Sumber Manusia	104	374.66	TB	TB	374.66	329.58
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	9	331.33	3	115.81	447.14	321.72
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi *	TB	1,423.38	TB	TB	294.65	294.93
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	26	180.74	4	75.89	256.63	244.51
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	29	151.83	5	75.20	227.03	217.60
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	16	20.00	TB	TB	80.32	79.40
Kementerian Luar Negeri	5	262.50	TB	TB	159.24	77.27
Jabatan Perkhidmatan Awam	2	50.29	TB	TB	50.29	37.43
Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan *	TB	217.36	TB	TB	28.54	28.54
Simpanan Luar Jangka	TB	2,000.00	TB	TB	2,000.00	TB
JUMLAH	1,202	53,729.15	104	5,000.00	55,840.14	49,515.36

Nota : () - Peruntukan Bagi Kementerian Yang Telah Dibubarkan Diagihkan Kepada 8 Kementerian/Jabatan
TB - Tidak Berkenaan*

- c. Analisis terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2009 yang melibatkan 27 Kementerian/Jabatan mendapati wujud kelemahan dari segi kawalan, perancangan dan pemantauan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.19
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2009**

PERKARA	BILANGAN KEMENTERIAN/JABATAN TERLIBAT	BILANGAN PROJEK TERLIBAT	JUMLAH (RM Juta)
Tidak Mematuhi Peraturan			
Perbelanjaan Tanpa Peruntukan	2*	2	14.78
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	16*	43	465.11
Perbelanjaan RMKe-9 Melebihi Anggaran RMKe-9	15	42	3,744.01
Ada Kelemahan Dari Segi Perancangan Dan Pemantauan			
Peruntukan Tidak Dibelanjakan	16	38	153.30
Peruntukan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%	20	85	502.57
Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan	13	20	45.49
Anggaran Tahun 2009 Melebihi Harga Projek	1	1	3.96
Anggaran Tahun 2009 Melebihi Anggaran RMKe-9	2	2	25.72

Nota : () - Termasuk Kementerian Yang Dibubarkan (Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi)*

- i. Sejumlah RM14.70 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian Pelancongan bagi membiayai Program Promosi Produk Khusus walaupun tiada peruntukan disediakan. Semakan Audit mendapati waran pindah peruntukan yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal Kementerian berkenaan tidak dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia. Manakala Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (sebelum Kementerian dibubarkan) pula telah membelanjakan sejumlah RM76,640 untuk membiayai Program Pembangunan Infrastruktur Asas sedangkan peruntukan ini telah disekat oleh Kementerian Kewangan melalui Waran Penyekatan Peruntukan Bilangan E4 Tahun 2009.
- ii. Sebanyak 16 Kementerian/Jabatan (termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi yang dibubarkan) telah berbelanja melebihi peruntukan berjumlah RM465.11 juta untuk membiayai 43 projek. Sejumlah RM448.54 juta (96.4%) daripada RM465.11 juta perbelanjaan tersebut adalah untuk membiayai 20 projek di 4 Kementerian. Bagaimanapun, Peruntukan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2009 melalui Waran Am Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 21 April 2010 berjumlah RM400.91 juta hanya dikeluarkan untuk menampung sebahagian besar perbelanjaan lebihan bagi 2 Kementerian iaitu Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar serta Kementerian Kerja Raya. Tiada bukti peruntukan tambahan telah diluluskan untuk membiayai perbelanjaan lebihan bagi Kementerian-kementerian yang lain. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.20
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	JUMLAH LEBIH BELANJA (RM Juta)	PERUNTUKAN TAMBAHAN (RM Juta)
Kementerian Kerja Raya	11	2,081.74	2,438.47	356.73	356.71
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	4	1,849.16	1,893.46	44.30	44.20
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	4	995.87	1,025.36	29.49	-
Kementerian Pengajian Tinggi	1	271.03	289.05	18.02	-
Jumlah Kecil	20	5,197.80	5,646.34	448.54	400.91
12 Kementerian/Jabatan Lain	23	1,927.70	1,944.27	16.57	-
JUMLAH KESELURUHAN	43	7,125.50	7,590.61	465.11	400.91

- iii. Sebanyak 15 Kementerian/Jabatan telah berbelanja sejumlah RM3.74 bilion sehingga 31 Disember 2009 bagi 42 projek melebihi anggaran RMKe-9. Semakan Audit mendapati sejumlah RM3.65 bilion (97.6%) daripada RM3.74 bilion tersebut adalah melibatkan 5 Kementerian untuk membiayai 19 projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.21
PERBELANJAAN MELEBIHI ANGGARAN RMKe-9 SEHINGGA AKHIR TAHUN 2009**

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	ANGGARAN RMKe-9 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	JUMLAH MELEBIHI ANGGARAN RMKe-9 (RM Juta)
Kementerian Pertahanan	3	5,781.70	7,811.09	2,029.39
Kementerian Pelajaran Malaysia	4	1,767.16	2,695.12	927.96
Perbendaharaan Malaysia	2	573.10	1,120.10	547.00
Kementerian Belia Dan Sukan	5	226.24	343.54	117.30
Kementerian Dalam Negeri	5	166.76	195.54	28.78
Jumlah Kecil	19	8,514.96	12,165.39	3,650.43
10 Kementerian/Jabatan Lain	23	2,355.21	2,448.79	93.58
JUMLAH KESELURUHAN	42	10,870.17	14,614.18	3,744.01

- iv. Sebanyak 16 Kementerian/Jabatan telah memohon peruntukan berjumlah RM153.30 juta untuk membiayai 38 projek tetapi **tiada sebarang perbelanjaan dibuat**. Kementerian/Jabatan dan bilangan projek yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.22
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN	
	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	2	51.73
Perbendaharaan Malaysia	3	45.47
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	2	19.11
Jabatan Perdana Menteri	1	8.80
Jumlah Kecil	8	125.11
12 Kementerian/Jabatan Lain	30	28.19
JUMLAH KESELURUHAN	38	153.30

- v. Peruntukan berjumlah RM1.45 bilion yang diluluskan pada tahun 2009 bagi 85 projek yang dilaksanakan oleh 20 Kementerian/Jabatan dibelanjakan kurang daripada 50%. Perkara ini berlaku antara lainnya berpunca daripada kelewatan pelaksanaan projek, tiada kelulusan penyelarasan akhir harga kontrak atau bayaran kurang daripada anggaran projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.23
PERUNTUKAN DIBELANJA KURANG DARIPADA 50%**

PERATUS PERBELANJAAN (%)	BILANGAN PROJEK	BILANGAN KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2009 (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Kurang Daripada 10%	16	9	88.82	6.08	82.74
10.0% Hingga 20%	10	9	74.93	12.09	62.84
20.1% Hingga 30%	17	9	407.37	113.81	293.56
30.1% Hingga 40%	24	12	336.19	118.51	217.68
40.1% Hingga 50%	18	13	539.84	252.08	287.76
JUMLAH	85	-	1,447.15	502.57	944.58

- vi. Sebanyak 13 Kementerian/Jabatan yang membuat pindah peruntukan berjumlah RM45.49 juta bagi 20 projek **tidak membelanjakannya langsung**. Perbelanjaan sebenar adalah kurang daripada peruntukan asal yang diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.24
PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta)	PINDAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	4	293.37	9.70	303.07	274.21
Perbendaharaan Malaysia	1	50.49	12.90	63.39	49.52
Jabatan Perdana Menteri	2	16.23	6.34	22.57	13.14
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	1	18.05	1.80	19.85	15.15
Kementerian Belia Dan Sukan	1	10.00	6.00	16.00	7.64
Jumlah Kecil	9	388.14	36.74	424.88	359.66
8 Kementerian/Jabatan Lain	11	71.69	8.75	80.44	67.59
JUMLAH KESELURUHAN	20	459.83	45.49	505.32	427.25

- vii. Kementerian Belia Dan Sukan telah menyediakan anggaran tahun 2009 bagi projek Penyelenggaraan Kompleks Dan Kemudahan Sukan Negeri-Negeri melebihi anggaran harga projek berjumlah RM3.96 juta dan anggaran RMKe-9 berjumlah RM25.05 juta. Manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah menyediakan anggaran tahun 2009 bagi projek Penyelidikan Sains Sosial melebihi anggaran RMKe-9 berjumlah RM0.67 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.25
ANGGARAN TAHUN 2009 MELEBIHI
ANGGARAN HARGA PROJEK/ANGGARAN RMKe-9**

MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN HARGA PROJEK (RM Juta) (a)	ANGGARAN RMKe-9 2006 - 2010 (RM Juta) (b)	ANGGARAN TAHUN 2009 (RM Juta) (c)	ANGGARAN TAHUN 2009 MELEBIHI	
				ANGGARAN HARGA PROJEK (RM Juta) (c - a)	ANGGARAN RMKe-9 (RM Juta) (c - b)
Kementerian Belia Dan Sukan					
Penyelenggaraan Kompleks Dan Kemudahan Sukan Negeri-Negeri	132.63	111.54	136.59	3.96	25.05
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat					
Penyelidikan Sains Sosial	108.90	2.00	2.67	Tidak Berkenaan	0.67
JUMLAH	241.53	113.54	139.26	3.96	25.72

Pada pandangan Audit, perbelanjaan pembangunan yang tidak mengikut peraturan seperti yang dinyatakan di atas boleh dielakkan sekiranya pemantauan berterusan dilaksanakan bagi memastikan perbelanjaan projek tidak melebihi anggaran RMKe-9 yang diluluskan. Begitu juga, anggaran tahunan sepatutnya tidak melebihi anggaran harga projek dan anggaran RMKe-9.

d. Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua

- i. Semakan Audit mendapati 21 Kementerian/Jabatan yang terlibat dengan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II) telah membelanjakan sejumlah RM15.57 bilion (96.0%) daripada peruntukan muktamad berjumlah RM16.22 bilion (termasuk peruntukan pembangunan tahun 2009 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua). Mengikut perancangan awal, sebanyak 104 projek akan dilaksanakan di bawah PRE II. Bagaimanapun setelah mengambil kira penambahan projek di Kementerian Pelajaran Malaysia daripada 6 kepada 21 projek dan satu projek di Perbendaharaan Malaysia yang telah disekat, bilangan keseluruhan projek yang dilaksanakan adalah berjumlah 118 projek. Daripada laporan perbelanjaan pembangunan mengikut Kementerian/Jabatan seperti yang ditunjukkan di Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, didapati peratus perbelanjaan sebenar tahun 2009 berbanding peruntukan muktamad adalah antara 60.9% hingga 115.0%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.26
PERBANDINGAN ANTARA JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	(%)
Kementerian Kerja Raya	9	1,800.23	2,070.66	115.0
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	11	1,943.88	1,967.14	101.2
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	2	1,838.46	1,882.66	102.4
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	2	1,585.00	1,585.00	100.0
Kementerian Kesihatan	7	1,572.51	1,551.10	98.6
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	8	1,536.81	1,334.42	86.8
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	8	1,005.99	960.52	95.5
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	6	1,022.84	886.52	86.7
Kementerian Pengajian Tinggi	2	492.76	449.05	91.1
Kementerian Pelajaran Malaysia	21	492.04	441.78	89.8
Perbendaharaan Malaysia	4	350.60	350.60	100.0
Kementerian Pelancongan	4	367.99	342.50	93.1
Kementerian Dalam Negeri	6	440.80	339.60	77.0
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	3	394.35	310.42	78.7
Jabatan Perdana Menteri	6	365.63	292.71	80.1
Kementerian Pengangkutan	3	438.56	267.24	60.9
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	4	148.52	148.52	100.0
Kementerian Belia Dan Sukan	2	151.59	133.28	87.9
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	5	113.87	111.32	97.8
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	3	90.07	73.72	81.8
Kementerian Pertahanan	2	72.06	69.80	96.9
JUMLAH	118	16,224.56	15,568.56	96.0

- ii. Daripada 118 projek, sebanyak 110 projek telah dilaksanakan manakala 8 projek di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia tidak dilaksanakan. Peruntukan bagi 7 daripada 8 projek di bawah Kementerian tersebut telah dipindahkan kepada butiran projek sedia ada/lain. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

**JADUAL 4.27
PERUNTUKAN PROJEK PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA
DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA YANG DIPINDAHKAN**

PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	VIREMEN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
Perabot Dan Peralatan	18.25	(18.25)	0.00
Tenaga Pengajar Kontrak	0.65	-	0.65
Kabin Bilik Darjah Semenanjung	24.89	(24.89)	0.00
Kabin Bilik Darjah Sarawak	27.05	(27.05)	0.00
Kabin Rumah Guru Sarawak	30.35	(30.35)	0.00
Naik Taraf Sekolah Kebangsaan Tamil	2.43	(2.43)	0.00
Naik Taraf Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	61.35	(61.35)	0.00
Naik Taraf Sekolah Cina Bantuan Kerajaan	8.08	(8.08)	0.00

4.1.4.3. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- a. Wang pendahuluan adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan sahaja. Bayaran ini tidak terpakai kepada Kontrak Pusat, kontrak yang dibuat secara berpusat oleh mana-mana agensi Kerajaan dan perkhidmatan perunding. Semua bayaran pendahuluan dicajkan terus kepada vot projek berkenaan dan akaun subsidiari mengenainya hendaklah diselenggarakan bagi mengakaunkan bayaran pendahuluan yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek berkenaan. Semakan Audit terhadap wang pendahuluan kepada kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah mendapati wang pendahuluan tersebut yang belum diimbuh balik pada akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM1.75 bilion. Jumlah ini meningkat RM506.27 juta berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM1.24 bilion. Kedudukan baki wang pendahuluan kepada kontraktor pada akhir tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.28
PENINGKATAN/PENURUNAN BAKI WANG PENDAHULUAN
KEPADA KONTRAKTOR PADA AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2009**

TAHUN	BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR (RM Juta)	JUMLAH PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2005	480.26	146.23	43.8
2006	886.82	406.56	84.7
2007	1,244.82	358.00	40.4
2008	1,243.09	(1.73)	0.1
2009	1,749.36	506.27	40.7

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran pendahuluan kepada kontraktor bagi projek perlu diselesaikan selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap baki wang pendahuluan kepada kontraktor bagi tahun 2009 mendapati sejumlah RM106.43 juta masih belum dikutip daripada 41 syarikat walaupun projek berkenaan telah ditamatkan, terbengkalai atau tahap kerja telah mencapai lebih 75% siap. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.29
WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG
BELUM DIKUTIP WALAUPUN PROJEK TELAH DITAMATKAN,
TERBENGKALAI ATAU KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN SYARIKAT		BAKI PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP/DIREKUP (RM Juta)
	KERJA TELAH MENCAPAI 75% SIAP	PROJEK TERBENGKALAI/ DITAMATKAN	
Kementerian Kerja Raya	3	10	51.72
Kementerian Pertahanan	-	4	17.97
Kementerian Dalam Negeri	-	2	11.67
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	3	-	11.12
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	-	1	7.47
Kementerian Pelajaran Malaysia	2	7	3.37
Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor	-	1	1.60
Kementerian Sumber Manusia	1	-	0.84
Jabatan Kerja Raya Terengganu	3	4	0.67
JUMLAH	12	29	106.43

Pada pandangan Audit, pejabat pelaksana projek hendaklah mengutip wang pendahuluan yang telah diberikan kepada kontraktor sekiranya projek berkenaan telah mencapai 75% siap. Bagi projek terbengkalai atau ditamatkan, pejabat pelaksana projek perlu merampas jaminan bank yang disediakan oleh syarikat semasa permohonan wang pendahuluan ini.

4.1.4.4. Bayaran Balik Pinjaman

Penggunaan dana Kerajaan yang lain ialah bayaran balik pinjaman dalam negeri dan luar negeri. Pada tahun 2009, Kerajaan telah membuat pelbagai bayaran balik pinjaman berjumlah RM50.93 bilion berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM34.57 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.30
BAYARAN BALIK PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI
PADA TAHUN 2008 DAN 2009**

JENIS PINJAMAN	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
DALAM NEGERI				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	21,398.70	31,530.93	10,132.23	47.3
Bil Perbendaharaan	6,481.71	6,572.97	91.26	1.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000.00	5,000.00	3,000.00	>100.0
Pinjaman Lain	2,800.00	1,000.00	(1,800.00)	64.3
Sukuk	-	90.41	90.41	100.0
Pinjaman Pasaran	947.78	-	(947.78)	100.0
Jumlah Bayaran Balik Pinjaman Dalam Negeri	33,628.19	44,194.31	10,566.12	31.4
LUAR NEGERI				
Pinjaman Pasaran/Projek	946.02	6,736.88	5,790.86	>100.0
Jumlah Bayaran Balik Pinjaman Luar Negeri	946.02	6,736.88	5,790.86	>100.0
JUMLAH KESELURUHAN	34,574.21	50,931.19	16,356.98	47.3

4.1.4.5. Bayaran Wang Amanah Dan Deposit

Selain daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta bayaran balik pinjaman, penggunaan dana yang besar adalah untuk bayaran wang amanah dan bayaran balik deposit. Pada tahun 2009, jumlah bayaran wang amanah dan deposit **termasuk amaun pelarasan bagi beberapa transaksi yang tidak melibatkan aliran wang tunai** ialah RM390.94 bilion berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM295.16 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.31
BAYARAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009**

BAYARAN	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang/Akaun Amanah	277,550.72	361,756.07	84,205.35	30.3
Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan	12,541.60	25,315.42	12,773.82	>100.0
Deposit	5,068.08	3,865.48	(1,202.60)	23.7
JUMLAH	295,160.40	390,936.97	95,776.57	32.4

4.2. LANGKAH UNTUK MENAMBAH DANA

Bagi menambah hasil Kerajaan Persekutuan, antara langkah yang boleh diambil ialah Kementerian/Jabatan perlu mendapatkan balik tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri/Perbadanan Kemajuan Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Koperasi/Syarikat/Agensi Lain dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

4.2.1. Akaun Belum Terima

4.2.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) Kerajaan Persekutuan bertambah daripada RM12.06 bilion pada akhir tahun 2005 menjadi RM21.93 bilion (81.8%) pada akhir tahun 2009. Peningkatan ini adalah kerana Kementerian/Jabatan telah mengambil kira tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan hutang-hutang lain selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008. Kedudukan tunggakan pada akhir tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.32
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
PADA AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2009

TAHUN	AKAUN BELUM TERIMA		
	JUMLAH (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2005	12,059.98	2,626.81	27.8
2006	14,615.90	2,555.92	21.2
2007	14,082.83	(533.07)	3.6
2008	23,192.94	9,110.11	64.7
2009	21,930.77	(1,262.17)	5.4

4.2.1.2. Pada akhir tahun 2009, sebanyak 53 Kementerian/Jabatan/Agensi mempunyai tunggakan berjumlah RM21.93 bilion. Tunggakan bagi 6 Kementerian/Jabatan sahaja adalah berjumlah RM21.69 bilion (98.9%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.33
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
PADA 31 DISEMBER 2008 DAN 2009

KEMENTERIAN/JABATAN	TAHUN	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Perbendaharaan Malaysia	11,648.62	11,279.02
Lembaga Hasil Dalam Negeri	9,798.93	9,249.77
Jabatan Perkhidmatan Awam	814.47	434.39
Kementerian Pelajaran Malaysia	312.30	303.66
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	259.83	267.92
Kementerian Kesihatan	123.05	152.28
Jumlah Kecil	22,957.20	21,687.04
47 Kementerian/Jabatan Lain	235.74	243.73
JUMLAH KESELURUHAN	23,192.94	21,930.77

4.2.1.3. Peningkatan Tunggakan Melebihi Seratus Peratus

Berdasarkan perbandingan yang dibuat antara tahun 2008 dan 2009, adalah didapati 3 Kementerian/Jabatan mempunyai peningkatan ABT yang ketara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.34
PENINGKATAN AKAUN BELUM TERIMA
BAGI TAHUN 2008 DAN 2009**

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH BERSIH AKAUN BELUM TERIMA			CATATAN
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	PENINGKATAN (RM Juta)	
Kementerian Pengajian Tinggi	13.83	55.47	41.64	Pelarasan pinjaman pelajaran yang sudah mencapai tempoh bayaran balik.
Kementerian Kerja Raya	0.05	8.68	8.63	Tunggakan bayaran balik wang pendahuluan kepada kontraktor dan perbezaan harga kontrak berikutan pemansuhan/penamatan projek tidak pernah dilaporkan sebelum ini.
Jabatan Imigresen	3.63	7.80	4.17	Peningkatan cek tak laku untuk bayaran levi pekerja asing.
JUMLAH	17.51	71.95	54.44	

Pada pandangan Audit, amaun ABT masih tinggi dan Kementerian/Jabatan serta agensi Kerajaan yang terlibat perlu berusaha gigih mengurangkan jumlah tersebut.

4.2.1.4. Tunggakan/Hapus Kira Tidak Dilaporkan

Semakan Audit terhadap Daftar Hapus Kira yang diselenggara oleh Perbendaharaan Malaysia mendapati 27 kes hapus kira ABT berjumlah RM12.31 juta telah diluluskan dalam tahun 2009. Semakan Audit selanjutnya mendapati 17 daripada 27 kes tersebut yang berjumlah RM4.09 juta tidak pernah dilaporkan sebagai ABT oleh Kementerian/Jabatan yang berkenaan. Begitu juga setelah hapus kira diluluskan, jumlah tersebut turut tidak dilaporkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.35
TUNGGAKAN TIDAK DILAPORKAN SEBELUM DIHAPUS KIRA**

KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMOHON HAPUS KIRA	BUTIRAN	HAPUS KIRA YANG DILULUSKAN TAHUN 2009	
		JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN KES
Hapus Kira Wang Awam Berikutan Pemansuhan/Penamatan Projek			
Kementerian Kesihatan	Hapus kira perbezaan harga projek yang dimansuhkan iaitu Membina Dan Menyiapkan Satu Blok Bangunan Klinik Desa Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Parit Yusof, Muar, Johor	0.17	1
Kementerian Pengangkutan	Kelulusan hapus kira tuntutan tambahan perbelanjaan akibat daripada penamatan kerja kontraktor	2.42	1

KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMOHON HAPUS KIRA	BUTIRAN	HAPUS KIRA YANG DILULUSKAN TAHUN 2009	
		JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN KES
Kementerian Pelajaran Malaysia	Hapus kira tuntutan perbezaan harga akibat daripada penamatan kerja kontraktor Projek Membina Dan Menyiapkan Bilik Darjah, Kantin, Gajah Menyusur, Bangsal Basikal, <i>Hardstand</i> , Tangki Najis Dan Lain-Lain Berkaitan Di Sekolah Rendah Kebangsaan Paka, Dungun, Terengganu	0.13	1
	Hapus kira wang awam berikutan pemansuhan Projek Membina Dan Menyiapkan Satu Blok Dua Tingkat Makmal Sains Tulin, Stor Am Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sekolah Menengah Sultan Abdul Jalil, Seberang Perak, Perak Tengah Oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	0.34	1
	Hapus kira wang awam berikutan pemansuhan Projek Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Sekolah Serta Kerja-Kerja Bersangkutan Di Sekolah Menengah Ambrose Air Tawar, Manjung Dan Sebuah Bangunan Sekolah Serta Kerja-Kerja Bersangkutan Di Sekolah Menengah Tok Perdana, Sitiawan, Manjung, Perak oleh Jabatan Kerja Raya Perak	0.31	1
	Hapus kira wang awam berikutan pemansuhan Projek Di Sekolah Kebangsaan RKT Lasah, Sungai Siput Utara, Perak	0.53	1
Jumlah Kecil		3.90	6
Hapus Kira Faedah Penghakiman			
Jabatan Peguam Negara/Jabatan Belia Dan Sukan	Pengecualian faedah penghakiman pinjaman daripada Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia	0.02	4
Jabatan Peguam Negara/Jabatan Perkhidmatan Awam	Pengecualian faedah penghakiman pinjaman pelajaran	0.11	5
Jabatan Peguam Negara/Kementerian Pelajaran Malaysia	Pengecualian faedah penghakiman pinjaman	0.06	2
Jumlah Kecil		0.19	11
JUMLAH KESELURUHAN		4.09	17


Pada pandangan Audit, Kementerian Kerja Raya/Jabatan Peguam Negara dan Kementerian/Jabatan yang terlibat hendaklah menentukan pihak yang sepatutnya bertanggungjawab melaporkan tunggakan hasil di dalam penyata Akaun Belum Terima bagi memastikan jumlah tunggakan yang dilaporkan adalah tepat.

4.2.2. Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak

4.2.2.1. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman dari sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperolehi ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan/

Bukan Kerajaan dan agensi lain untuk pelbagai tujuan. Seperti dilaporkan pada tahun yang lalu, pinjaman ini tidak dibayar balik mengikut jadual. Tunggakan bayaran balik pinjaman mengikut kategori peminjam bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 4.6
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BAGI TEMPOH AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2009



4.2.2.2. Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2009, tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM10.93 bilion. Jumlah ini berkurangan sejumlah RM432.22 juta (3.8%) berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM11.36 bilion. Tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman adalah antara 1 hingga 29 tahun. Kedudukan baki pinjaman yang belum selesai pada 31 Disember 2009 dan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2008 dan 2009 mengikut kategori peminjam adalah seperti di **Jadual 4.36**. Mengikut maklum balas yang diterima, Perbendaharaan Malaysia telah mengambil tindakan menghantar notis bayaran balik pinjaman 2 bulan sebelum tempoh bayaran balik dibuat dan merancang untuk mewujudkan unit bayaran balik yang akan memantau kutipan bayaran balik pinjaman. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga sedang memperkemaskan peraturan dalaman supaya kutipan bayaran balik dapat dibuat dengan lebih sistematik.

**JADUAL 4.36
PINJAMAN YANG BELUM SELESAI DAN
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN**

PEMINJAM	PINJAMAN BELUM SELESAI PADA 31.12. 2009 (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA	
		31.12.2008	31.12.2009
		(RM Juta)	(RM Juta)
Syarikat Kerajaan/Bukan Kerajaan	22,880.16	4,221.65	3,251.20
Kerajaan Negeri	18,314.69	4,081.17	4,623.18
Badan Berkanun	7,787.07	2,191.65	2,154.78
Pelbagai Agensi	2,375.63	164.56	126.78
Pihak Berkuasa Tempatan	513.38	485.51	493.41
Koperasi	193.03	51.94	86.96
Perbadanan Kemajuan Negeri	167.75	167.69	195.64
JUMLAH	52,231.71	11,364.17	10,931.95

4.2.2.3. Jadual Bayaran Balik Pinjaman

Semakan Audit mendapati jadual bayaran balik bagi 22 pinjaman berjumlah RM3.24 bilion yang diluluskan masih belum disediakan oleh Kementerian Kewangan walaupun pengeluaran pinjaman terakhir telah dibuat atau tempoh penangguhan bagi bayaran balik pinjaman telah tamat. Kelewatan menyediakan jadual bayaran balik pinjaman menyebabkan pihak peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.37
PINJAMAN YANG TIDAK MEMPUNYAI JADUAL BAYARAN BALIK**

PEMINJAM	BILANGAN PINJAMAN	PINJAMAN		TEMPOH PENANGGUHAN TAMAT/TARIKH PENGELUARAN TERAKHIR (Tahun)	TEMPOH TIADA JADUAL BAYARAN BALIK SEHINGGA 31.12.2009 (Tahun)
		DILULUSKAN (RM Juta)	DIKELUARKAN (RM Juta)		
KERAJAAN NEGERI					
Sarawak	2	30.57	30.57	2002 - 2005	4 - 7
Sabah	1	20.00	20.00	2005	4
Johor	1	5.20	5.20	2001	8
Jumlah Kecil	4	55.77	55.77	2001 - 2005	4 - 8
Syarikat Kerajaan/ Bukan Kerajaan	13	1,794.01	1,752.98	1994 - 2008	1 - 15
Badan Berkanun	3	1,268.65	1,268.65	2004	5
Pelbagai	2	120.00	120.00	2005 - 2006	3 - 4
Jumlah Kecil	18	3,182.66	3,141.63	1994 - 2008	1 - 15
JUMLAH KESELURUHAN	22	3,238.43	3,197.40	1994 - 2008	1 - 15

Pada pandangan Audit, memandangkan perkara ini telah lama berlarutan, Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia hendaklah dengan segera mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan jadual bayaran balik pinjaman dikeluarkan sebelum tamat tempoh penangguhan atau tarikh pengeluaran pinjaman terakhir (yang mana lebih

awal) bagi memastikan agensi yang meminjam dapat membayar balik pinjaman pada masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat mengurangkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan. Tempoh penyediaan jadual bayaran balik pinjaman juga perlu ditentukan supaya tempoh tersebut tidak mengambil masa yang terlalu lama. Mengikut maklum balas yang diterima, Perbendaharaan Malaysia akan melaksanakan penyediaan dan tandatangan jadual bayaran balik pinjaman bersama-sama perjanjian pinjaman untuk mengelakkan kelewatan penyediaan jadual tersebut.

4.2.2.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Semakan Audit terhadap pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Badan Berkanun, Syarikat, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi dan Pelbagai Agensi mendapati 799 (48.1%) daripada 1,660 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 29 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2009 menurun sejumlah RM432.22 juta kepada RM10.93 bilion berbanding RM11.36 bilion pada akhir tahun 2008 yang melibatkan 3,739 ansuran tertunggak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.38
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31 DISEMBER 2009

PEMINJAM	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				BIL ANSURAN* TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2009	TEMPOH* TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2009 (Tahun)
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	(%)		
		BIL	(%)						
Kerajaan Negeri	1,203	607	50.5	4,081.17	4,623.18	542.01	13.3	2,718	1 - 13
Syarikat Kerajaan/Bukan Kerajaan	70	32	45.7	4,221.65	3,251.20	(970.45)	23.0	132	1 - 10
Badan Berkanun	308	98	31.8	2,191.65	2,154.78	(36.87)	1.7	474	1 - 29
Pihak Berkuasa Tempatan	56	39	69.6	485.51	493.41	7.90	1.6	302	5 - 17
Perbadanan Kemajuan Negeri	3	3	100	167.69	195.64	27.95	16.7	21	7
Pelbagai Agensi	5	5	100	164.56	126.78	(37.78)	23.0	19	1 - 9
Koperasi	15	15	100	51.94	86.96	35.02	67.4	73	2 - 28
JUMLAH	1,660	799	48.1	11,364.17	10,931.95	(432.22)	3.8	3,739	1 - 29

Nota : (*) - Bilangan Ansuran Tertunggak Dan Tempoh Tertunggak Adalah Untuk Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

- i. Adalah didapati kesemua Kerajaan Negeri tidak menjelaskan sebahagian bayaran balik pinjaman mengikut jadual. Pada tahun 2009, sebanyak 607 (50.5%) daripada 1,203 pinjaman yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 13 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM542.01 juta (13.3%) iaitu daripada RM4.08 bilion pada akhir tahun 2008 menjadi RM4.62 bilion pada akhir

tahun 2009. Peningkatan ini tidak melibatkan tunggakan bayaran balik pinjaman Bekalan Air Luar Bandar bagi 8 Kerajaan Negeri berjumlah RM204.27 juta yang telah dihapus kira. Pada keseluruhannya, anuiti yang telah dibayar balik pada tahun 2009 adalah berjumlah RM614.40 juta berbanding dengan RM885.38 juta yang sepatutnya dibayar balik. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.39
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Kedah	95	75	78.9	657.62	124.55	42.02	(33.47)	706.68	1 - 12
Pahang	142	113	79.6	519.43	117.45	38.32	(33.48)	565.08	1 - 10
Johor	158	99	62.7	741.61	95.64	12.61	(14.75)	809.89	1 - 12
Sarawak	158	2	1.3	73.09	95.17	180.46	53.90	41.70	4
Negeri Sembilan	100	63	63.0	423.38	92.80	22.07	10.39	504.50	1 - 9
Sabah	70	3	4.3	68.43	76.69	204.15	153.70	94.67	1 - 3
Melaka	111	64	57.7	148.06	76.22	8.30	15.82	231.80	1 - 6
Selangor	47	37	78.7	756.75	47.04	29.12	55.19	829.86	2 - 13
Perak	115	2	1.7	21.04	40.70	62.35	11.75	11.14	10 - 12
Pulau Pinang	45	27	60.0	122.08	40.28	8.06	(12.07)	142.23	2 - 6
Kelantan	30	22	73.3	59.11	36.66	3.57	44.10	136.30	1 - 5
Terengganu	93	74	79.6	420.61	26.94	1.69	11.90	457.76	1 - 11
Perlis	39	26	66.7	69.96	15.24	1.68	8.05	91.57	1 - 7
JUMLAH	1,203	607	50.5	4,081.17	885.38	614.40	271.03	4,623.18	1 - 13

Nota : () - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja*

- ii. Mengikut maklum balas yang diterima, hanya Kerajaan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah selesai menandatangani perjanjian penstrukturan perkhidmatan air dengan Pengurusan Aset Air Berhad. Bagaimanapun, perjanjian pengambilalihan pinjaman bagi ketiga-tiga Kerajaan Negeri tersebut masih belum dimuktamadkan.

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri

- i. Semakan Audit mendapati 3 Perbadanan Kemajuan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM195.64 juta dengan tempoh tunggakan 7 tahun. Didapati tiada bayaran balik pinjaman dibuat oleh ketiga-tiga Perbadanan tersebut pada tahun 2009 menyebabkan tunggakan meningkat dari RM167.69 juta kepada RM195.64 juta.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Negeri pada tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.40
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009		31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)		
Melaka	1	1	100	76.73	12.79	TBB	89.52	7
Negeri Sembilan	1	1	100	49.98	8.33	TBB	58.31	7
Perlis	1	1	100	40.98	6.83	TBB	47.81	7
Jumlah	3	3	100	167.69	27.95		195.64	7

Nota : () - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja
TBB - Tiada Bayaran Balik*

- ii. Mengikut maklum balas yang diterima, pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Melaka diambil alih oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Manakala pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan pula dijadual semula. Bagaimanapun, hanya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Melaka telah selesai menandatangani perjanjian pengambilalihan pinjaman pada bulan Mei 2010.

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak 98 (31.8%) daripada 308 pinjaman yang disalurkan kepada Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM2.15 bilion pada akhir tahun 2009 iaitu berkurangan sejumlah RM36.87 juta berbanding dengan tahun 2008. Tempoh tunggakan adalah antara 1 hingga 29 tahun. Pada keseluruhannya, anuiti yang dibayar balik pada tahun 2009 adalah berjumlah RM215.45 juta berbanding dengan RM409.0 juta yang sepatutnya dibayar balik.
- ii. Adalah didapati sejumlah RM1.96 bilion (91.2%) daripada keseluruhan tunggakan melibatkan pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia, Lembaga Air Perak, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Perbadanan Aset Keretapi dan Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan. Semakan Audit juga mendapati Perbadanan Aset Keretapi mempunyai tunggakan yang tertinggi iaitu berjumlah RM1.02 bilion. Kedudukan tunggakan bayaran balik bagi Badan Berkanun adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.41
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BADAN BERKANUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009

BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Perbadanan Aset Keretapi	7	7	100.0	1,021.14	153.15	TBB	(150.81)	1,023.48	6 - 9
Bank Pertanian Malaysia	43	26	60.5	552.54	89.18	2.19	(70.25)	569.28	3 - 29
Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA)	162	7	4.3	174.18	82.96	135.51	(12.55)	109.08	1 - 5
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	11	11	100.0	46.48	23.89	TBB	(21.50)	48.87	8 - 17
Lembaga Air Perak	16	4	25.0	117.79	17.05	23.34	8.00	119.50	1
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	16	15	93.8	134.14	14.61	2.08	(3.73)	142.94	3 - 13
Majlis Amanah Rakyat	5	1	20.0	-	10.00	TBB	-	10.00	1
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	12	12	100.0	48.21	7.29	10.98	(0.66)	43.86	1 - 18
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	13	0	0.0	2.49	4.01	6.50	-	TT	-
Lembaga Pembangunan Langkawi	2	0	0.0	2.63	3.33	22.60	16.64	TT	-
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	17	13	76.5	4.40	2.20	4.40	(0.16)	2.04	1
Universiti Teknologi Malaysia	1	0	0.0	0.75	0.75	4.09	2.59	TT	-
Dewan Bahasa Dan Pustaka	1	0	0.0	1.17	0.58	3.76	2.01	TT	-
Lembaga Letrik Sabah	2	2	100.0	85.73	-	TBB	-	85.73	-
JUMLAH	308	98	31.8	2,191.65	409.00	215.45	(230.42)	2,154.78	1 - 29

Nota : (*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja
TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat Kerajaan/Bukan Kerajaan

Pada tahun 2009, sebanyak 32 (45.7%) daripada 70 pinjaman yang disalurkan kepada syarikat mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 10 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi syarikat Kerajaan dan bukan Kerajaan pada akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM3.25 bilion iaitu penurunan sejumlah RM970.45 juta (23.0%) berbanding dengan RM4.22 bilion pada akhir tahun 2008. Adalah didapati hanya 6 daripada 15 syarikat yang mempunyai tunggakan menjelaskan anuiti/tunggakan pada tahun 2009. Manakala 9 syarikat lagi tidak membuat bayaran balik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.42
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009		PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Syarikat Kerajaan									
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	18	5	27.8	3,094.08	319.07	1.33	(1,605.78)	1,806.04	1 - 7
Malaysia Debt Ventures Sdn. Bhd.	1	1	100	1.64	256.32	22.75	-	235.21	-
Keretapi Tanah Melayu Berhad	5	4	80.0	501.52	102.28	TBB	(3.08)	600.72	3 - 9
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	2	1	50	76.00	38.00	TBB	-	114.00	3
Bank Pembangunan Malaysia	7	-	-	6.00	25.68	9.27	(22.41)	TT	-
UDA Holdings Berhad	10	10	100	146.80	23.40	TBB	25.00	195.20	3
Malaysia Building Society Berhad	1	1	100	-	10.80	5.90	4.20	9.10	1
Malaysia Technology Development Corporation	6	1	16.7	-	7.50	1.50	-	6.00	1
Malaysian Wetlands Foundation (Paya Indah Wetlands)	2	2	100	12.14	5.22	TBB	(8.33)	9.03	-
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	2	1	50	18.96	4.74	TBB	-	23.70	5
JKP Sdn. Bhd.	3	1	33.3	5.39	3.64	2.69	(3.65)	2.69	1
Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd.	3	-	-	100.00	-	-	(100.00)	TT	-
Bukan Syarikat Kerajaan									
Yayasan Tekun Nasional	5	1	20	150.00	150.00	TBB	(150.00)	150.00	1
Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	1	1	100	-	28.96	TBB	-	28.96	1
Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	28.05	2.50	0.15	7.51	37.91	8
Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	6.62	1.36	TBB	-	7.98	9
Perusahaan Otomobil Nasional Berhad	1	-	-	49.79	-	49.79	-	TT	-
SME Ordinance Sdn. Bhd.	1	1	100	24.66	-	TBB	-	24.66	10
JUMLAH	70	32	45.7	4,221.65	979.47	93.38	(1,856.54)	3,251.20	1 - 10

Nota : () - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja
TBB - Tiada Bayaran Balik
TT - Tiada Tunggakan*

e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Pada akhir tahun 2009, pinjaman tertunggak oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah RM493.41 juta berbanding dengan RM485.51 juta pada akhir tahun 2008. Adalah didapati hanya Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membuat bayaran berjumlah RM135.44 juta pada tahun 2009, manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Seremban tidak membuat bayaran langsung.

Tempoh tunggakan bayaran balik bagi keempat-empat Pihak Berkuasa Tempatan adalah antara 5 hingga 17 tahun. Kesemua tunggakan adalah merupakan tunggakan bagi projek pementasan yang akan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.. Tunggakan ini masih ditunjukkan terhutang oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan kerana perjanjian antara Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pengambil alihan tersebut masih belum dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.43
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Majlis Perbandaran Seberang Perai	3	3	100.0	187.34	13.72	TBB	(13.71)	187.35	7 - 15
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	24	22	91.7	173.08	12.74	8.65	3.8	180.97	15 - 16
Majlis Perbandaran Seremban	2	2	100.0	96.88	6.46	TBB	(6.46)	96.88	16 - 17
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	27	12	44.4	28.21	3.51	126.79	123.28	28.21	5 - 16
JUMLAH	56	39	69.6	485.51	36.43	135.44	106.91	493.41	5 - 17

Nota : (*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja
TBB - Tiada Bayaran Balik

f. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

i. Adalah didapati 6 Koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pada tahun 2009 berjumlah RM86.96 juta. Tempoh tunggakan bayaran tersebut adalah antara 2 hingga 28 tahun. Selain itu, 4 koperasi iaitu Koperasi Belia Nasional Berhad, Koperasi Pegawai-pegawai Melayu Malaysia Berhad, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad tidak membuat bayaran balik tunggakan berjumlah RM86.27 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.44
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009**

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		Bil	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad	1	1	100.0	22.46	22.46	TBB	-	44.92	2
Koperasi Pegawai-pegawai Melayu Malaysia Berhad	1	1	100.0	12.80	12.80	TBB	-	25.60	2
Koperasi Belia Nasional Berhad	9	9	100.0	9.69	-	TBB	-	9.69	22 - 28
Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad	1	1	100.0	6.06	-	TBB	-	6.06	12

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK						
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009			PELARASAN (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		Bil	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)				
Koperasi Imam Dan Bilal Terengganu Berhad	1	1	100.0	0.88	0.18	0.4	-	0.66	4	
Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad	1	1	100.0	0.05	0.01	0.02	(0.01)	0.03	7	
Koperasi Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Terengganu Berhad	1	1	100.0	TT	0.26	0.26	-	TT	-	
JUMLAH	15	15	100.0	51.94	35.71	0.68	(0.01)	86.96	2 - 28	

Nota : (*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja
TBB - Tiada Bayaran Balik
TT - Tiada Tunggakan

- ii. Mengikut maklum balas yang diterima, 6 koperasi yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman sama ada sedang dalam proses penjadualan semula atau dalam peringkat penyediaan perjanjian tambahan.

g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

- i. Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Pelbagai Agensi pada akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM126.78 juta iaitu penurunan sejumlah RM37.78 juta (23.0%) berbanding dengan RM164.56 juta pada akhir tahun 2008. Tunggakan bagi Jabatan Penerbangan Awam yang berjumlah RM116.33 juta adalah termasuk pinjaman luar negeri yang berjumlah RM1.98 juta dan pinjaman dalam negeri yang berjumlah RM114.35 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati Persatuan Asrama Belia Malaysia dan Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi tidak membuat bayaran balik mengikut jadual. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.45
JADUAL TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELBAGAI AGENSI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009

PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2008 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2009			31.12.2009 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		Bil	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PELARASAN (RM Juta)		
Jabatan Penerbangan Awam	2	2	100.0	154.35	38.12	38.12	(38.02)	116.33	3*
Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi	1	1	100.0	10.00	1.67	TBB	(1.67)	10.00	6**
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia	1	1	100.0	-	0.22	0.44	0.44	0.22	1**
Persatuan Asrama Belia Malaysia	1	1	100.0	0.21	0.02	TBB	-	0.23	9**
JUMLAH	5	5	100.0	164.56	40.03	38.56	(39.25)	126.78	1 - 9

Nota : (*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Dan Luar Negeri
(**) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja
TBB - Tiada Bayaran Balik

- ii. Mengikut maklum balas yang diterima, perjanjian tambahan bagi pinjaman Persatuan Asrama Belia Malaysia dan Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi sedang disediakan.

Pada pandangan Audit, Kerajaan Persekutuan perlu berusaha mendapatkan bayaran balik pinjaman yang telah diberinya supaya wang tersebut dapat digunakan untuk melaksanakan aktivitinya dan bagi mengurangkan jumlah pinjaman yang perlu dibuat.

4.2.3. Memantau Penggunaan Dan Pembayaran Balik Pinjaman Yang Dijamin

4.2.3.1. Pada akhir tahun 2009, Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan terhadap pinjaman yang dibuat oleh 2 Badan Berkanun dan 20 syarikat milik Kerajaan dari pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negeri seperti yang dibenarkan oleh Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Kerajaan memberi jaminan kepada pihak berkenaan untuk membolehkan mereka melaksanakan beberapa projek nasional dan strategik yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan projek yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat seperti bekalan air, elektrik serta pembangunan sumber manusia. Pada akhir tahun 2009, jumlah pinjaman yang melibatkan Badan Berkanun dan syarikat milik Kerajaan yang diberi jaminan oleh Kerajaan Persekutuan ialah RM84.31 bilion. Jumlah pinjaman yang diberi jaminan itu menunjukkan peningkatan RM15.08 bilion berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM69.23 bilion. Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2009 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.46
KEDUDUKAN PINJAMAN YANG DIBERI JAMINAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2009**

TAHUN	PINJAMAN DALAM NEGERI (RM Juta)	PINJAMAN LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)
2005	38,101.82	17,579.03	55,680.85	2,343.12
2006	38,857.10	20,457.01	59,314.11	3,633.26
2007	44,700.10	17,848.43	62,548.53	3,234.42
2008	59,336.19	9,899.52	69,235.71	6,687.18
2009	75,676.91	8,637.74	84,314.65	15,078.94

4.2.3.2. Peningkatan jaminan berjumlah RM15.08 bilion pada akhir tahun 2009 terutamanya adalah disebabkan jaminan yang diberi oleh Kerajaan terhadap pinjaman yang dibuat oleh Valuecap Sdn. Bhd. dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang berjumlah RM8 bilion. Selain daripada itu, ia juga disebabkan jaminan yang diberi oleh Kerajaan kepada 1Malaysia Development Berhad dan Syarikat Prasarana Negara Berhad untuk menerbitkan *Islamic Medium Term Note* yang bernilai RM7 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.47
PINJAMAN BADAN BERKANUN DAN SYARIKAT YANG MENDAPAT JAMINAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG DIJAMIN PADA AKHIR TAHUN	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
BADAN BERKANUN		
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	11,000.00	14,000.00
SYARIKAT		
Prasarana Negara Berhad	7,101.00	9,101.00
1Malaysia Development Berhad	0.00	5,000.00
Valuecap Sdn. Bhd.	0.00	5,000.00
Jumlah Kecil	18,101.00	33,101.00
Badan Berkanun Dan Syarikat Lain	51,134.71	51,213.65
JUMLAH KESELURUHAN	69,235.71	84,314.65

4.2.3.3. Semakan Audit mendapati 13 syarikat/agensi selain daripada mendapat jaminan juga memperolehi pinjaman dan pelaburan daripada Kerajaan Persekutuan. Didapati Bank Pertanian Malaysia dan Malaysia Debt Ventures Sdn. Bhd. mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM569.28 juta dan RM235.21 juta. Kedudukan jaminan, pelaburan dan pinjaman yang melibatkan syarikat/agensi tersebut serta tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.48
KEDUDUKAN JAMINAN, PELABURAN DAN PINJAMAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA SYARIKAT/AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2009

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)	NILAI BUKU PELABURAN (RM Juta)	PINJAMAN	
			BAKI BELUM SELESAI (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK (RM Juta)
Khazanah Nasional Berhad	10,500.00	5,668.71	TB	TB
Prasarana Negara Berhad	9,101.00	3,825.55	TB	TB
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	8,073.64	2,823.36	1,172.52	TB
Kuala Lumpur International Airport Bhd.	7,789.64	200.00	TB	TB
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	4,000.00	630.28	TB	TB
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,011.60	10.00	TB	TB
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	719.05	50.00	TB	TB
Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	715.00	114.05	TB	TB
Malaysia Debt Ventures Sdn. Bhd.	500.00	100.00	1,225.54	235.21
Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad	271.62	1,212.00	1,203.76	TB
Malaysian Industrial Development Finance Bhd.	151.48	TB	206.04	TB
Bank Pertanian Malaysia	84.36	240.75	2,753.22	569.28
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	36.43	TB	873.26	TB
JUMLAH	42,953.82	14,874.70	7,434.34	804.49

Nota : TB - Tidak Berkenaan

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap prestasi kewangan syarikat yang mendapat jaminan daripada Kerajaan bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

4.3. PELABURAN

4.3.1. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Dan Pelaburan Am

Pelaburan Kerajaan terdiri daripada pelaburan kumpulan wang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 serta peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala pelaburan am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada kumpulan wang amanah dan penukaran pinjaman kepada ekuiti. Nilai buku pelaburan telah meningkat daripada RM16.69 bilion pada akhir tahun 2008 kepada RM21.81 bilion pada 31 Disember 2009. Peningkatan pelaburan berjumlah RM5.12 bilion tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan sekuriti Kerajaan dan deposit dalam dan luar negara. Butiran mengenai pelaburan Kerajaan pada akhir tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.49
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009

PERIHAL	NILAI BUKU		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	31.12.2008 (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH				
Deposit Dalam Negeri	8,055.09	10,966.82	2,911.73	36.1
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	3,300.55	2,886.60	(413.95)	12.5
Sekuriti Kerajaan Malaysia	378.52	772.60	394.08	>100.0
Deposit Luar Negeri	18.98	207.76	188.78	>100.0
Saham	0.78	0.78	0.00	0.0
Jumlah Kecil	11,753.92	14,834.56	3,080.64	26.2
PELABURAN AM				
Saham	4,582.54	4,582.54	0.00	0.0
Deposit Dalam Negeri	0.00	2,000.00	2,000.00	>100.0
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	309.78	360.95	51.17	16.5
Deposit Luar Negeri	42.00	33.50	(8.50)	20.2
Pelbagai	1.67	1.67	0.00	0.0
Jumlah Kecil	4,935.99	6,978.66	2,042.67	41.4
JUMLAH KESELURUHAN	16,689.91	21,813.22	5,123.31	30.7

4.3.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun, Syarikat Dan Agensi

4.3.2.1. Pelaburan dalam Badan Berkanun, Syarikat dan Agensi Antarabangsa dibuat melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan ditunjukkan di bawah Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2009,

MKD memegang saham dengan nilai buku berjumlah RM27.75 bilion berbanding RM25.46 bilion pada akhir tahun 2008 iaitu meningkat sejumlah RM2.29 bilion (9.0%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.50
PEGANGAN SAHAM OLEH MKD
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009

KATEGORI	BILANGAN SYARIKAT		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2008	2009	31.12.2008 (RM Juta)	31.12.2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Syarikat	99	80	24,206.10	26,493.99	2,287.89	9.5
Badan Berkanun	6	6	1,218.85	1,218.85	-	-
Agensi Antarabangsa	1	1	38.57	38.57	-	-
JUMLAH	106	87	25,463.52	27,751.41	2,287.89	9.0

4.3.2.2. Kerajaan Persekutuan memegang 100% ekuiti dalam Syarikat Malaysia Batek And Handicraft Berhad dengan nilai buku RM0.30 juta. Semakan Audit mendapati syarikat tersebut masih dalam tindakan penggulungan sejak tahun 1990 iaitu selama 20 tahun dan masih ditunjukkan sebagai syarikat MKD dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

4.4. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN, AKAUN AMANAH AWAM DAN DEPOSIT

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Kumpulan Wang Amanah) ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung. Kumpulan Wang Amanah mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan dan perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan sama ada oleh undang-undang yang mewujudkannya atau pun Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Akaun Amanah Awam (Akaun Amanah) pula diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Setakat 31 Disember 2009, sebanyak 297 Kumpulan Wang Amanah berbaki RM28.54 bilion, 303 Akaun Amanah berbaki RM9.40 bilion dan 432 Akaun Deposit berbaki RM7.80 bilion diuruskan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

4.4.1. Penyerahan Penyata Tahunan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001, Penyata Tahunan bagi sesuatu Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah perlu dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Adalah didapati 27 Penyata Tahunan 2009 lewat diserahkan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan antara 1 hingga 19 hari manakala

7 Penyata Tahunan 2009 belum dikemukakan untuk pengauditan sehingga akhir bulan April 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.51
PENYATA TAHUNAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN AKAUN AMANAH
YANG LEWAT/BELUM DIKEMUKAKAN SETAKAT AKHIR BULAN APRIL 2010**

JENIS AKAUN	BILANGAN PENYATA TAHUNAN 2009				BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN	KELEWATAN (Hari)
	LEWAT DITERIMA	BELUM DITERIMA	JUMLAH	BAKI PADA 31.12.2009 (RM Juta)		
Kumpulan Wang Amanah	4	2	6	59.04	4	2 - 7
Akaun Amanah	23	5	28	224.99	8	1 - 19
JUMLAH	27	7	34	284.03		

4.4.2. Akaun Kena Bayar Tahun 2009

Akaun Kena Bayar (AKB) merupakan jumlah yang terhutang kepada pembekal di mana barang dan perkhidmatan diperolehi oleh Kerajaan sehingga akhir tahun tetapi bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. AKB tahun 2009 yang terdiri daripada AKB pembangunan, mengurus, pencen dan gaji adalah berjumlah RM6.84 bilion berbanding dengan RM7.87 bilion pada tahun 2008 iaitu menurun sebanyak 13.1%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.52
AKAUN KENA BAYAR TAHUN 2009
BERBANDING TAHUN 2008**

JENIS AKAUN KENA BAYAR	2008 JUMLAH (RM Juta)	2009 JUMLAH (RM Juta)
Pembangunan	3,138.16	2,653.53
Mengurus	4,730.00	4,182.31
Tanggungan	0.18	-
Pencen	-	2.61
Gaji	-	0.11
JUMLAH	7,868.34	6,838.56

4.4.2.1. Analisis Audit terhadap Laporan AKB bagi 10 Kementerian mendapati 2 Kementerian telah membelanjakan RM383.23 juta melalui AKB iaitu lebih 10% daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kementerian terlibat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.53
AKAUN KENA BAYAR LEBIH 10%
DARIPADA PERBELANJAAN PADA TAHUN 2009**

KEMENTERIAN/JABATAN	PERBELANJAAN MENGURUS			PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
	SEBENAR (RM Juta)	AKAUN KENA BAYAR		SEBENAR (RM Juta)	AKAUN KENA BAYAR	
		(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(RM Juta)
Kementerian Pengangkutan	924.44	126.33	13.7	-	-	-
Kementerian Pertahanan	-	-	-	2,300.21	256.90	11.2
JUMLAH	924.44	126.33	13.7	2,300.21	256.90	11.2

4.4.2.2. Berdasarkan kepada maklum balas yang diperolehi dari Kementerian/ Jabatan, antara faktor yang menyebabkan AKB melebihi 10% daripada perbelanjaan mengurus atau pembangunan ialah :-

- a. Kurang kefahaman pembekal mengenai prosedur kewangan Kerajaan menyebabkan perkara berikut :-
 - i. Pembekal/kontraktor/syarikat lewat mengemukakan bil/notis/invois/ pesanan tempatan.
 - ii. Pembekal/kontraktor mengumpul bil/invois dan hanya menghantar bil/invois untuk proses pembayaran pada akhir tahun.
 - iii. Permohonan pembayaran interim bagi projek pembangunan dikemukakan lewat.
- b. Pelbagai tuntutan dari Jabatan/Agensi di bawah Kementerian lewat dikemukakan. Ini melambatkan proses pembayaran.
- c. Bayaran utiliti bagi bulan Disember hanya dapat diproses dalam bulan Januari di bawah AKB.
- d. Arahan/kelulusan pembelian aset/harta modal hanya dikeluarkan dalam bulan November/Disember.

4.4.2.3. Perbelanjaan Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barangan atau perkhidmatan kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah diperolehi dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu hasil siasatan. Semakan Audit mendapati perbelanjaan di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2009 telah meningkat sejumlah RM32.04 juta (181.5%) menjadi RM49.69 juta berbanding perbelanjaan yang diluluskan berjumlah RM17.65 juta pada tahun 2008.
- b. Peningkatan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh tindakan Kementerian Kewangan tidak mempertimbangkan permohonan pengecualian daripada proses perolehan dilakukan tanpa pesanan tempatan, perolehan dipecahkecilkan untuk mengelakkan daripada sebut harga dan kontrak telah tamat tempoh pada masa ia dikemukakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.54
PERBELANJAAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 59
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009

KEMENTERIAN/JABATAN	PERBELANJAAN AP 59 TAHUN 2008		PERBELANJAAN AP 59 TAHUN 2009	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Pertahanan	7	1.85	15	20.85
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	4	9.39	3	7.87
Jabatan Perdana Menteri	4	0.36	65	5.38
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	-	-	4	4.50
Kementerian Pelajaran Malaysia	1	0.11	17	3.36
Kementerian Pengangkutan	-	-	3	2.30
Jabatan Imigresen	-	-	23	2.24
Jumlah Kecil	16	11.71	130	46.50
15 Kementerian/Jabatan Lain	15	5.94	60	3.19
JUMLAH KESELURUHAN	31	17.65	190	49.69

Nota : AP - Arah Perbendaharaan

- c. Setakat akhir tahun 2009, baki pendahuluan yang belum dipelaraskan untuk perbelanjaan di bawah AP 59 adalah berjumlah RM67.27 juta yang melibatkan 22 Kementerian/Jabatan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.55**. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, baki berjumlah RM1.17 juta di bawah Perbendaharaan Malaysia adalah merupakan baki yang dibawa ke hadapan semasa *conversion* daripada sistem BAS kepada GFMAS pada tahun 2006.

JADUAL 4.55
PERBELANJAAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 59
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI PADA 31.12.2009 (RM Juta)	PERATUSAN BERBANDING JUMLAH KESELURUHAN PADA 31.12.2009 (%)	PENDAHULUAN UNTUK TEMPOH TAHUN
Kementerian Pertahanan	32.62	48.5	2003 - 2009
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	9.23	13.7	2009
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	4.55	6.8	2005 dan 2009
Jabatan Perdana Menteri	3.82	5.7	2009
Polis Diraja Malaysia	3.82	5.7	1989 - 2009
Kementerian Pelajaran Malaysia	3.37	5.0	2009
Kementerian Pengangkutan	2.30	3.4	2009
Kementerian Kesihatan	1.38	2.0	2008 - 2009
Perbendaharaan Malaysia	1.17	1.7	2006
Jumlah Kecil	62.26		
13 Kementerian/Jabatan Lain	5.01	7.4	1999 - 2009
JUMLAH KESELURUHAN	67.27		1989 - 2009

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia perlu memastikan pemantauan yang berterusan dilaksanakan agar dapat mengurangkan dan seterusnya mengelak daripada perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan 59.

- d. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan laporan siasatan lengkap menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari dari tarikh pendahuluan diluluskan untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati terdapat Kementerian/Jabatan mengambil masa melebihi tempoh 60 hari untuk mengemukakan laporan siasatan kepada Perbendaharaan Malaysia walaupun surat peringatan telah dikeluarkan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.56
TEMPOH YANG DIAMBIL UNTUK MENGHANTAR LAPORAN SIASATAN
KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN/JABATAN	TEMPOH SEHINGGA 31.3.2010* (Hari)
Jabatan Perdana Menteri	52 - 361
Kementerian Pelajaran Malaysia	26 - 237
Kementerian Pengajian Tinggi	31
Kementerian Kesihatan	48 - 232
Kementerian Pertahanan	46 - 195
Kementerian Dalam Negeri	36 - 262
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	48 - 256
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	70
Kementerian Luar Negeri	43 - 298
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	11 - 42
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	17
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	114 hingga 237
Kementerian Pengangkutan	54 hingga 138
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	92

Nota : () - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Perbendaharaan Malaysia*

4.4.2.4. Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan

- a. Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan diwujudkan bagi menampung buat sementara urusan yang dikehendaki, ditentukan atau diterima oleh Pegawai Pengawal sebelum peruntukan muktamad diterima. Mengikut Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan yang termasuk di bawah akaun ini perlu diselesaikan dengan secepat mungkin. Bagaimanapun, didapati 5 butiran daripada akaun ini masih belum diselesaikan setakat akhir tahun 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.57
AKAUN PENYELESAIAN UTAMA PERBENDAHARAAN
YANG BELUM DISELESAIKAN PADA AKHIR TAHUN 2006 HINGGA 2009

BUTIRAN AKAUN	BAKI PADA 31.12.2006 (DEBIT)/KREDIT (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2007 (DEBIT)/KREDIT (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2008 (DEBIT)/KREDIT (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2009 (DEBIT)/KREDIT (RM Juta)
Akaun Pembatalan Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank	10.48	9.47	6.63	7.56
Akaun Sementara Menanti Kelulusan Hapus Kira	(2.52)	(1.32)	(2.70)	(2.15)
Pembatalan Cek Luar Negeri	0.34	0.31	0.18	0.15
Potongan Pelbagai	(61.42)	(61.41)	(61.41)	(61.41)
Akaun Bantuan Kebajikan Persekutuan	-	-	-	(73.27)

- b. Menurut maklum balas yang diterima, usaha berterusan diambil oleh Jabatan Akauntan Negara untuk memastikan akaun ini mempunyai baki sifar pada akhir setiap tahun. Baki akaun Potongan Pelbagai telah dikenal pasti sebagai akaun bayaran pencen yang tidak dicaj kepada vot. Tindakan pelarasan kepada vot akan diambil pada tahun 2010.

4.4.2.5. Akaun Amanah Pelaksanaan Projek Di Bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)

- a. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM20 bilion kepada 17 Kementerian/Jabatan untuk membiayai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Sehingga 31 Disember 2009, sejumlah RM12.62 bilion sumber dana diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. di mana RM6.63 bilion atau 52.5% daripadanya telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.58
PROJEK DI BAWAH RMKe-9
MENERUSI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)

TAHUN	TERIMAAN DANA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR	
		(RM Juta)	(%)
2006	10.00	4.83	48.3
2007	1,011.57	557.33	55.1
2008	4,955.96	1,839.24	37.1
2009	6,642.61	4,227.13	63.6
JUMLAH	12,620.14	6,628.53	52.5

- b. Analisis Audit terhadap perbelanjaan projek PFI bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 mendapati 2 Kementerian/Jabatan tidak mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan di mana perbelanjaan telah dibuat melebihi peruntukan. Adalah juga didapati berlaku kelemahan dari segi perancangan dan pemantauan perbelanjaan di mana anggaran/peruntukan yang diluluskan tidak dibelanjakan atau peruntukan dibelanja kurang daripada 50%. Kedudukan pengurusan perbelanjaan projek PFI bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 dan hasil analisis terhadap perbelanjaan tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.59
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PROJEK PFI
PADA TAHUN 2009**

PERKARA	BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
Tidak Mematuhi Peraturan			
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	2	18	91.81
Ada Kelemahan Dari Segi Perancangan Dan Pemantauan			
Peruntukan Tidak Dibelanjakan	7	71	1,681.61
Peruntukan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%	14	282	2,726.12

- i. Mengikut perenggan 10, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2009, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat dan pelaksanaan sesuatu projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan mengikut surat kuasa berbelanja. Semakan Audit mendapati 2 Kementerian/ Jabatan telah berbelanja sejumlah RM91.81 juta melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM42.48 juta bagi membiayai 18 projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.60
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN DILULUSKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	JUMLAH LEBIH BELANJA (RM Juta)
Kementerian Pengajian Tinggi	2	10.00	12.11	2.11
Kementerian Pelajaran Malaysia	16	32.48	79.70	47.22
JUMLAH	18	42.48	91.81	49.33

- ii. Semakan Audit mendapati 7 Kementerian/Jabatan yang telah diluluskan peruntukan perbelanjaan berjumlah RM1.68 bilion untuk membiayai 71 projek langsung tidak dibelanjakan sehingga tahun 2009. Perkara ini menunjukkan bahawa perancangan yang dibuat adalah tidak selaras dengan permohonan peruntukan yang dilakukan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.61
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN	
	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Pelajaran Malaysia	36	190.84
Kementerian Dalam Negeri	24	575.97
Kementerian Pengajian Tinggi	6	137.30
Jumlah Kecil	66	904.11
4 Kementerian/Jabatan Lain	5	777.50
JUMLAH KESELURUHAN	71	1,681.61

- iii. Sebanyak 282 projek melibatkan 14 Kementerian/Jabatan membelanjakan kurang 50% daripada peruntukan yang diluluskan sehingga tahun 2009. Semakan Audit mendapati daripada peruntukan berjumlah RM13.08 bilion, hanya RM2.73 bilion dibelanjakan. Jumlah tidak dibelanjakan adalah RM10.35 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.62
PERUNTUKAN DIBELANJA KURANG DARIPADA 50%**

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUS (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Kementerian Pelajaran Malaysia	144	5,138.84	880.09	4,258.75
Kementerian Dalam Negeri	47	2,435.19	651.43	1,783.76
Kementerian Pengajian Tinggi	30	1,711.39	404.05	1,307.34
Jabatan Perdana Menteri	21	745.17	186.57	558.60
Jumlah Kecil	242	10,030.59	2,122.14	7,908.45
10 Kementerian/Jabatan Lain	40	3,045.00	603.98	2,441.02
JUMLAH KESELURUHAN	282	13,075.59	2,726.12	10,349.47

4.4.2.6. Deposit Di Bawah Jabatan Insolvensi Malaysia

Jabatan Insolvensi Malaysia mempunyai 5 akaun deposit berbaki RM1.08 bilion pada akhir tahun 2009 berbanding dengan akhir tahun 2008 yang berjumlah RM1.05 bilion. Semakan Audit mendapati secara umumnya, akaun tersebut mempunyai baki deposit antara tempoh tahun 1941 hingga 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.63
AKAUN DEPOSIT DI BAWAH JABATAN INSOLVENSII MALAYSIA
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009**

NAMA AKAUN DEPOSIT	BAKI DEPOSIT		TEMPOH TAHUN
	PADA 31.12.2008 (RM Juta)	PADA 31.12.2009 (RM Juta)	
Deposit Harta Kebankrapan	664.87	727.95	1941 - 2009
Deposit Harta Penggulangan Syarikat	139.12	179.00	1978 - 2009
Deposit Kebankrapan	148.14	134.82	1966 - 2009
Deposit Penggulangan Syarikat	90.77	36.21	1983 - 2009
Deposit Penggulangan Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja	5.75	5.80	1985 - 2009
JUMLAH	1,048.65	1,083.78	1941 - 2009

Pada pandangan Audit, memandangkan perkara ini telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara sejak tahun 2006, pihak Jabatan Insolvensi Malaysia hendaklah dengan segera mengenal pasti kedudukan sebenar baki deposit tersebut dan mengambil tindakan untuk menyelaraskan akaun berkenaan sekiranya kes penggulangan/kebankrapan telah diselesaikan. Ini adalah

kerana terdapat deposit yang dipegang oleh Jabatan ini sejak tahun 1941 iaitu selama 68 tahun.

4.4.2.7. Akaun Deposit Yang Tidak Aktif

- a. Semakan Audit mendapati 4 akaun deposit berbaki RM2.35 juta pada 31 Disember 2009 yang melibatkan 3 Kementerian/Jabatan tidak bergerak/aktif bagi tempoh tahun 1990 hingga 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.64
DEPOSIT TIDAK BERGERAK
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009**

KEMENTERIAN/ JABATAN	AKAUN DEPOSIT	BAKI DEPOSIT PADA 31.12.2009 (RM)	AKAUN TIDAK BERGERAK SEJAK TAHUN
Kementerian Belia Dan Sukan	Deposit Cagaran	600	1990
	Deposit Wang Rampasan Bon Pelaksanaan	2,330,845	2003
Suruhanjaya Pilihanraya	Deposit Tender	17,886	2001
Jabatan Perkhidmatan Awam	Deposit Cagaran	505	1999
JUMLAH		2,349,836	

- b. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pembayarnya dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas 3 bulan diwartakan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan. Adalah didapati 5 Kementerian/Jabatan mempunyai deposit antara 2 hingga 33 tahun yang berjumlah RM9.49 juta masih belum diwartakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.65
DEPOSIT TIDAK DIWARTA
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009**

JENIS DEPOSIT	TEMPOH PEGANGAN (Tahun)	JUMLAH (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri		
Deposit Cagaran	10 - 21	0.11
Jumlah Kecil	10 - 21	0.11
Kementerian Pertahanan		
Deposit Am	2 - 5	1.52
Cagaran Kantin	2 - 25	0.12
Deposit Senggaraan RAAF	2	2.31
Deposit Tender	3 - 26	0.01
Jumlah Kecil	2 - 26	3.96
Jabatan Kastam Diraja Malaysia		
Deposit Am	4 - 33	5.26
Jumlah Kecil	4 - 33	5.26

JENIS DEPOSIT	TEMPOH PEGANGAN (Tahun)	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Kesihatan		
Deposit Cagaran	4 - 12	0.05
Cagaran Kantin	4 - 10	0.08
Jumlah Kecil	4 - 12	0.13
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan		
Latihan Dan Persidangan	3 - 5	0.03
Jumlah Kecil	3 - 5	0.03
JUMLAH KESELURUHAN	2 - 33	9.49

4.4.2.8. Pendahuluan Pelbagai

Perbelanjaan pendahuluan pelbagai hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990. Permohonan pendahuluan pelbagai hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sekurang-kurangnya 14 hari sebelum aktiviti/program berkenaan bermula. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pendahuluan yang diterima diselesaikan dalam tempoh 6 minggu dari tarikh penyempurnaan aktiviti/program. Pendahuluan pelbagai yang diambil dalam sesuatu tahun hendaklah diselesaikan dalam tahun kewangan yang sama. Semakan Audit mendapati baki perbelanjaan pendahuluan pelbagai bagi 9 Kementerian/Jabatan yang masih belum diselaraskan sehingga akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM7.52 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.66
BAKI PENDAHULUAN PELBAGAI BELUM DIPELARASKAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009**

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI PADA 31.12.2008 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2009 (RM Juta)
Kementerian Kewangan	7.35	7.35
Kementerian Pelajaran Malaysia	0.12	0.12
Polis Diraja Malaysia	0.04	0.04
Jumlah Kecil	7.51	7.51
6 Kementerian/Jabatan Lain	0.89	0.01
JUMLAH	8.40	7.52

4.4.2.9. Pendahuluan Diri

Semakan Audit mendapati baki bagi 3 akaun pendahuluan diri tidak bergerak atau mengalami sedikit peningkatan bagi tempoh 4 tahun yang masih belum diambil tindakan sewajarnya. Ianya melibatkan baki debit berjumlah RM15.70 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.67
AKAUN PENDAHULUAN DIRI YANG MENINGKAT/TIDAK BERGERAK

AKAUN	BAKI PADA 31.12.2006 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2007 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2008 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2009 (RM Juta)
Ganjaran Pekerja Kerajaan	0.03	0.03	0.03	0.03
Pengangkutan Orang Dan Perbelanjaan Sara Hidup Luar Negeri	10.58	10.83	11.35	15.65
Perbelanjaan Perubatan Luar Negeri	0.02	0.02	0.02	0.02
JUMLAH	10.63	10.88	11.40	15.70

4.5. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Sehingga akhir tahun 2009, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan adalah berbaki RM2.46 bilion berbanding dengan baki tahun 2008 yang berjumlah RM3.0 bilion. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

4.5.1. Pinjaman Perumahan Yang Belum Selesai

Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 899,571 pinjaman perumahan telah dikeluarkan. Baki pinjaman perumahan yang belum selesai adalah berjumlah RM44.09 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 426,182 pinjaman dengan baki RM23.10 bilion telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad melalui pensukuritan. Dengan itu, pada akhir tahun 2009, Bahagian Pinjaman Perumahan mempunyai 473,389 peminjam dengan baki pinjaman belum selesai berjumlah RM20.99 bilion. Kedudukan baki pinjaman perumahan belum selesai bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.68
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN PERUMAHAN BELUM SELESAI
PADA AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2009

TAHUN	BILANGAN PEMINJAM		PENINGKATAN/(PENURUNAN)		
	BILANGAN PEMINJAM	BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI (RM Juta)	BILANGAN PEMINJAM (%)	BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI	
				(RM Juta)	(%)
2005	596,709	22,776.23	15.2	(3,154.07)	12.2
2006	626,197	25,647.05	4.9	2,870.82	12.6
2007	541,172	20,282.03	13.6	(5,365.02)	20.9
2008	494,367	20,495.22	8.6	213.19	1.1
2009	473,389	20,991.76	4.2	496.54	2.4

Pada pandangan Audit, Bahagian Pinjaman Perumahan perlu berusaha dengan kadar segera untuk mengemas kini akaun peminjam dan mengadakan satu mekanisme yang boleh mengenal pasti hutang lama dan baru sekiranya fail lama mahu terus digunakan agar baki pinjaman belum selesai dapat ditentukan dengan tepat dan betul.

4.5.2. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perumahan

Jumlah bayaran balik pinjaman perumahan yang tertunggak sehingga akhir tahun 2009 ialah RM575.73 juta yang melibatkan 48,924 peminjam. **Tunggakan bayaran**

balik pinjaman meningkat sejumlah RM42.87 juta (8.0%) berbanding dengan tahun 2008. Bagaimanapun, bilangan peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman telah berkurangan seramai 1,151 orang (2.3%). Jumlah tunggakan dan bilangan peminjam mengikut status perkhidmatan pada akhir tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.69
AKAUN PINJAMAN PERUMAHAN TERTUNGGAK
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2008 DAN 2009

STATUS PERKHIDMATAN	BILANGAN PEMINJAM		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2008	2009	Bilangan	(%)	2008	2009	(RM Juta)	(%)
Masih Berkhidmat	17,213	16,563	(650)	3.8	92.72	111.55	18.83	20.3
Bersara Wajib	16,215	15,482	(733)	4.5	90.93	84.95	(5.98)	6.6
Bersara Pilihan Sendiri	1,848	1,557	(291)	15.7	27.64	24.43	(3.21)	11.6
Persaraan KWSP	247	226	(21)	8.5	2.00	2.10	0.10	5.0
Penswastaan	305	279	(26)	8.5	1.00	0.88	(0.12)	12.0
Tamat Perkhidmatan	8,788	8,783	(5)	0.1	138.61	150.57	11.96	8.6
Meletak Jawatan	1,437	1,500	63	4.4	94.35	98.66	4.31	4.6
Tidak Hadir Bertugas	275	283	8	2.9	7.61	8.15	0.54	7.1
Dibuang Kerja	1,046	1,083	37	3.5	39.65	42.39	2.74	6.9
Digantung Kerja	51	57	6	11.8	1.22	1.23	0.01	0.8
Kes Bankrup	47	48	1	2.1	2.60	2.72	0.12	4.6
Meninggal Dunia	448	519	71	15.8	10.10	12.27	2.17	21.5
Lain-Lain	2,155	2,544	389	18.1	24.43	35.83	11.40	46.7
JUMLAH	50,075	48,924	(1,151)	2.3	532.86	575.73	42.87	8.0

4.6. SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada prestasi pengurusan kewangan yang ditunjukkan oleh semua Kementerian/Jabatan, dapatlah dirumuskan bahawa kelemahan pengurusan kewangan boleh diperbaiki sekiranya penyeliaan rapi diberikan kepada pegawai bawahan, panduan kerja yang jelas disediakan, latihan serta motivasi yang mencukupi dan berterusan diberi kepada pegawai/kakitangan untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen.

PENGURUSAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN

5. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaukan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Bagi memenuhi kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen. Berhubung dengan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mulai tahun 2007 Jabatan. Pengauditan dijalankan di semua Kementerian manakala Jabatan-jabatan Persekutuan diaudit secara pusingan setiap 3 tahun.

5.1.3. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (role model) kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan Persekutuan akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 5.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/ Jabatan Persekutuan, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada :-

- 5.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 5.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori.
- 5.2.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di semua 25 Kementerian dan 44 daripada 101 Jabatan Persekutuan. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2009 di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/ Jabatan Persekutuan. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2009 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan secara menyeluruh pada tahun 2009.

5.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 25 Kementerian dan 44 Jabatan Persekutuan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pengurusan kewangan mengikut 6 jenis kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut :-

5.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan

pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut :-

5.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan satu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

5.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

5.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan "Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan" melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urusetia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut :-

- a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2008, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. Selaras dengan Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 2004, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara dilaksanakan. JTPK juga adalah bertanggungjawab menangani isu/masalah mengenai dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah Dasar Wawasan Negara. Sehubungan ini, Ketua Setiausaha Kementerian adalah bertanggungjawab melantik ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh pengerusi serta membincangkan perkara yang telah ditetapkan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk membantu Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan adalah mengkaji dan

meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

- d. Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009 menghendaki semua Kementerian Persekutuan menubuhkan Jawatankuasa Audit untuk memantapkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan. Objektif penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara dan untuk memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan kementerian supaya kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

5.4.1.4. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

5.4.1.5. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Kementerian/Jabatan Persekutuan juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan Persekutuan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut :-

5.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 14 Tahun 1994 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Dan Pengesanan Prestasi Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Persekutuan) dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2007 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2008-2009). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia.

5.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2009 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut Arahan Perbendaharaan 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara Malaysia atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu.

5.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

5.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

5.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut :-

5.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

5.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

5.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

5.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

5.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan Akaun Belum Terima kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut :-

5.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

5.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Kementerian/Jabatan Persekutuan membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Kementerian/Jabatan Persekutuan telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus; sebut harga; tender; kontrak; kontrak pusat dan ePerolehan.

5.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

5.4.5. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

5.4.5.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian akaun amanah/kumpulan wang amanah di Kementerian/Jabatan Persekutuan dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

5.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut :-

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990 dan Bilangan 8 Tahun 2009.

5.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

5.4.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelak dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara berikut :-

5.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Bilangan 5 Tahun 2009, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset/Stor yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan; menguruskan pelupusan; kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya

dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

5.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Bilangan 5 Tahun 2009, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

5.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 pula menetapkan semua jenis stor hendaklah merekodkan stok yang diterima dengan menggunakan kad yang telah ditetapkan bagi tujuan untuk mengetahui kedudukan stok simpanan, memastikan bilangan dan fizikal stok sentiasa tepat serta mengawal paras stok.

5.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi :-

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkeelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap

dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Malaysia di mana berkenaan.

- c. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diseliasa dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggara secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

5.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Bilangan 5 Tahun 2009, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu

dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.

- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemas kini.

5.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset (termasuk wang awam) diuruskan dengan teratur serta selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Bilangan 13 Tahun 2008, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh masa 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat perlu menyediakan Laporan Awal dan mengemukakannya kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal juga perlu dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

5.5. PENEMUAN AUDIT


5.5.1. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tahun 2009 adalah bertambah baik berbanding dengan tahun 2008. Pada tahun 2009, sebanyak **10 Kementerian adalah pada tahap cemerlang (sangat baik) berbanding dengan 4 Kementerian pada tahun 2008**. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2009 juga adalah menggalakkan di mana **4 Jabatan yang berada di tahap cemerlang**

berbanding dengan 2 Jabatan pada tahun 2008. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 5.2** manakala pencapaian mengikut Kementerian dan Jabatan bagi tahun 2009 adalah seperti di **Carta 5.1 dan 5.2**.


JADUAL 5.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN DAN JABATAN
BAGI TAHUN 2007, 2008 DAN 2009

TAHAP PENARAFAN	KEMENTERIAN			JABATAN		
	2009	2008	2007	2009	2008	2007
Cemerlang	10	4	1	4	2	5
Baik	15	20	22	36	21	20
Memuaskan	-	3	5	4	10	6
Kurang Memuaskan	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	25	27	28	44	33	31

CARTA 5.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2009




CARTA 5.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN
BAGI TAHUN 2009




5.5.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap 25 Kementerian mendapati secara umumnya, 3 daripada 6 kawalan utama berada pada tahap cemerlang iaitu Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Terimaan manakala Kawalan Bajet, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor berada pada tahap baik seperti di **Carta 5.3**. Bagi 44 Jabatan pula, didapati 5 kawalan utama adalah pada tahap baik manakala satu kawalan utama yang lain iaitu Pengurusan Aset Dan Stor, penekanan serius perlu diberi memandangkan prestasi Jabatan hanya berada pada tahap memuaskan seperti di **Carta 5.4**.

**CARTA 5.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI KEMENTERIAN TAHUN 2009**



**CARTA 5.4
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI JABATAN TAHUN 2009**



5.6 SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tahun 2009 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

5.6.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

5.6.2. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi "Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan" yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.

5.6.3. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja berbanding dengan 5,023 PTJ yang ada diseluruh negara, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalam di Kementerian/Jabatan menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan.

5.6.4. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

5.6.5. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

5.6.6. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

6. PENGURUSAN KEWANGAN DI IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA DAN JABATAN IMIGRESEN NEGERI

6.1. LATAR BELAKANG

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (Kementerian). Jabatan ini berperanan menyediakan perkhidmatan berkaitan hal ehwal imigresen kepada warganegara Malaysia, penduduk tetap dan warga asing yang berkunjung ke Malaysia. Pada tahun 2009, JIM telah mengutip hasil berjumlah RM2.77 bilion. Bagi melaksanakan tanggungjawabnya, jabatan ini telah diberi peruntukan mengurus dan pembangunan masing-masingnya berjumlah RM567.44 juta dan RM245.51 juta di mana sejumlah RM570.90 juta dan RM201.67 juta telah dibelanjakan. Lebihan perbelanjaan mengurus berjumlah RM3.46 juta disebabkan oleh pertambahan perjawatan serta peningkatan perbelanjaan berkaitan dengan penghantaran pulang Pendatang Asing Tanpa Izin; perbelanjaan utiliti di Kompleks Kementerian Dalam Negeri (di mana JIM merupakan agensi pemimpin kompleks) dan Kompleks Pintu Masuk Sempadan serta perbelanjaan bahan api ekoran peningkatan operasi penguatkuasaan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai tahap prestasi pengurusan kewangan keseluruhan JIM yang merangkumi Ibu Pejabat JIM dan 15 JIM Negeri dari segi pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dengan memberi **penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti**.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

6.3.1. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JIM dan 15 JIM Negeri dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor.

6.3.2. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang dinyatakan di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2009. Temu bual juga telah dilakukan dengan pegawai yang berkenaan. Di samping itu, pemeriksaan fizikal telah dilakukan terhadap aset yang dimiliki oleh JIM.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara tempoh bulan Disember 2009 hingga Mac 2010 mendapati pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan JIM bagi tahun 2009 adalah berada pada tahap baik (78.3%). Sepertimana yang dilaporkan dalam perenggan 5, Bahagian II laporan ini, Ibu Pejabat JIM adalah pada tahap baik (76.2%). Bagi JIM Negeri pula, prestasi pengurusan kewangan 13 JIM Negeri berada pada tahap baik manakala 2 Negeri iaitu Kedah dan Pahang berada pada tahap memuaskan. Analisis prestasi pengurusan kewangan secara keseluruhan JIM adalah seperti di Jadual 6.1. Carta 6.1 pula menunjukkan 5 daripada 6 kawalan utama berada pada tahap baik iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan serta Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit manakala Pengurusan Aset Dan Stor berada pada tahap memuaskan. Selain itu, kedudukan prestasi mengikut pejabat adalah seperti di Carta 6.2.

JADUAL 6.1
ANALISIS PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN SECARA KESELURUHAN
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2009

JABATAN IMIGRESEN	KAWALAN UTAMA						TAHAP PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT PEJABAT
	a	b	c	d	e	f	
Ibu Pejabat	B	SB	TM	SB	B	B	B
Johor	B	M	SB	B	M	B	B
Kedah	M	M	B	B	TM	B	M
Kelantan	SB	SB	B	B	B	B	B
Melaka	SB	SB	B	B	B	B	B
Negeri Sembilan	B	SB	SB	B	B	M	B
Pahang	B	M	M	M	TM	TM	M
Perak	M	SB	B	B	B	M	B
Perlis	B	SB	M	B	SB	M	B
Pulau Pinang	B	SB	TM	B	TM	B	B
Sabah	B	SB	B	B	M	B	B
Sarawak	B	M	B	B	SB	B	B
Selangor	B	SB	SB	SB	B	B	B
Terengganu	SB	SB	B	B	B	M	B
W.P. Kuala Lumpur	SB	SB	B	B	B	M	B
W.P. Labuan	B	SB	SB	SB	M	M	B
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN BERDASARKAN KAWALAN	B (81.3%)	B (87.8%)	B (79.0%)	B (83.1%)	B (70.3%)	M (68.0%)	B (78.3%)
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA							

Nota :


Kawalan Utama :

- a. *Kawalan Pengurusan*
- b. *Kawalan Bajet*
- c. *Kawalan Terimaan*
- d. *Kawalan Perbelanjaan*
- e. *Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit*
- f. *Pengurusan Aset Dan Stor*


Tahap Prestasi :

- SB - Sangat Baik*
B - Baik
M - Memuaskan
TM - Tidak Memuaskan

CARTA 6.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT 6 KAWALAN UTAMA
DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2009



CARTA 6.2
KEDUDUKAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN IBU PEJABAT JABATAN
IMIGRESEN MALAYSIA DAN 15 JABATAN IMIGRESEN NEGERI BAGI TAHUN 2009



6.4.1. Kawalan Pengurusan

Secara keseluruhannya semakan Audit mendapati Kawalan Pengurusan di JIM berada pada tahap baik (81.3%). Aspek utama yang perlu dibuat penambahbaikan adalah dari segi pemeriksaan mengejut, pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan serta latihan kepada pegawai dan kakitangan. Ringkasan kepada kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama di bawah Kawalan Pengurusan antaranya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 6.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG KAWALAN PENGURUSAN**

JABATAN IMIGRESEN	KAWALAN PENGURUSAN							
	STRUKTUR ORGANISASI		SISTEM DAN PROSEDUR			JAWATANKUASA		PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
	a	b	c	d	e	f	g	h
Ibu Pejabat	√	√	x	x	x	√	√	x
Johor	√	√	x	x	x	x	x	x
Kedah	√	√	x	x	x	x	x	x
Kelantan	√	√	√	√	√	x	√	x
Melaka	√	√	√	√	x	x	x	x
Negeri Sembilan	√	√	√	√	√	√	√	x
Pahang	√	√	√	√	x	x	x	x
Perak	√	x	√	√	x	x	x	x
Perlis	x	√	√	√	x	√	√	x
Pulau Pinang	√	√	x	x	√	x	x	x
Sabah	x	√	√	√	x	√	x	x
Sarawak	√	√	√	√	x	√	x	x
Selangor	√	√	x	√	√	x	x	x
Terengganu	√	x	x	√	√	x	√	x
W.P. Kuala Lumpur	√	√	x	x	x	√	x	x
W.P. Labuan	√	√	x	x	x	x	x	x

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi

- Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini*
- Penurunan kuasa dibuat dengan teratur*
- Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini*
- Fail Meja disediakan dengan lengkap*
- Pemeriksaan mengejut dijalankan dengan teratur*
- Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah melaksanakan fungsi yang telah ditetapkan*
- Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan telah melaksanakan fungsi yang telah ditetapkan*
- Pegawai menghadiri latihan sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun*

6.4.2. Kawalan Bajet

Pihak Audit mendapati secara keseluruhannya Kawalan Bajet JIM adalah pada tahap baik (87.8%). Ibu Pejabat JIM dan 15 JIM Negeri telah menguruskan bajet dengan teratur kecuali 4 JIM Negeri tidak mengemukakan cadangan bajet ke Ibu Pejabat JIM. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung Kawalan Bajet antaranya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.3
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG KAWALAN BAJET

JABATAN IMIGRESEN	KAWALAN BAJET		
	PENYEDIAAN BAJET	PENGAGIHAN PERUNTUKAN	KELULUSAN PINDAH PERUNTUKAN
	a	b	c
Ibu Pejabat	√	√	√
Johor	x	√	TB
Kedah	x	√	TB
Kelantan	√	√	TB
Melaka	√	√	TB
Negeri Sembilan	√	√	TB
Pahang	x	√	TB
Perak	√	√	TB
Perlis	√	√	TB
Pulau Pinang	√	√	TB
Sabah	√	√	TB
Sarawak	x	√	TB
Selangor	√	√	TB
Terengganu	√	√	TB
W.P. Kuala Lumpur	√	√	TB
W.P. Labuan	√	√	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkeajaan

- a. Cadangan bajet disediakan berdasarkan input daripada semua peringkat
- b. Buku Vot dikemas kini dengan semua peruntukan yang diterima
- c. Pindah peruntukan mengurus dan pembangunan diuruskan dengan teratur

6.4.3. Kawalan Terimaan

Pematuhan JIM terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Kawalan Terimaan di Bahagian Pekerja Asing adalah pada tahap baik (79.0%). Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan perlu diambil terhadap semakan mingguan ke atas resit untuk memastikan keutuhannya dan Akaun Tunai Bulanan diserahkan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh ditetapkan. Selain itu, pengurusan terimaan melalui Sistem Imigresen Malaysia (SIM) yang diguna pakai oleh 11 JIM Negeri hanya diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Mac 2010. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan untuk setiap aspek utama Kawalan Terimaan di Bahagian Pekerja Asing antaranya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN TERIMAAN

JABATAN IMIGRESEN	KAWALAN TERIMAAN														
	KAWALAN BORANG HASIL				PENERIMAAN WANG				KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK			PERAKAUNAN TERIMAAN/ HASIL		AKAUN BELUM TERIMA	
	a	b	c	d	e*	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o
Ibu Pejabat	√	x	x	x	√	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Johor	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	TB	TB

JABATAN IMIGRESEN	KAWALAN TERIMAAN														
	KAWALAN BORANG HASIL				PENERIMAAN WANG				KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK			PERAKAUNAN TERIMAAN/ HASIL		AKAUN BELUM TERIMA	
	a	b	c	d	e*	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o
Kedah	√	√	√	TB	x	√	√	√	√	√	√	x	√	TB	TB
Kelantan	√	√	√	x	x	√	√	√	√	√	√	x	√	TB	TB
Melaka	√	√	√	TB	x	√	x	x	√	√	√	√	x	TB	TB
Negeri Sembilan	√	√	√	x	x	√	√	x	√	√	√	√	√	TB	TB
Pahang	√	x	x	x	x	√	x	x	√	√	√	x	x	TB	TB
Perak	√	√	√	TB	x	√	x	√	√	x	√	x	√	TB	TB
Perlis	√	√	√	TB	x	x	x	x	√	√	√	x	x	TB	TB
Pulau Pinang	√	√	√	TB	x	x	√	x	√	x	√	x	x	TB	TB
Sabah	x	√	√	√	x	√	x	√	√	√	√	x	√	TB	TB
Sarawak	√	√	√	x	√	√	√	x	√	√	√	x	√	TB	TB
Selangor	√	√	√	x	√	√	√	√	√	√	√	√	√	TB	TB
Terengganu	TB	TB	TB	TB	x	x	TB	x	√	x	√	x	x	TB	TB
W.P. Kuala Lumpur	√	√	x	x	√	√	x	√	√	√	√	x	√	TB	TB
W.P. Labuan	x	x	√	√	x	√	TB	√	√	√	√	x	√	TB	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkeajaan

(*) - Kutipan melalui Sistem Imigresen Malaysia (SIM) hanya diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Mac 2010

- Borang hasil direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil (KEW.67)
- Borang hasil dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul
- Baki stok borang hasil di dalam daftar bersamaan dengan baki sebenar
- Semakan dijalankan sekurang-kurangnya setiap minggu untuk memastikan resit yang belum digunakan masih utuh
- Sistem resit elektronik digunakan dengan kelulusan bertulis daripada Akauntan Negara
- Resit dikeluarkan dengan segera dan direkodkan dalam Buku Tunai pada hari yang sama
- Resit hendaklah dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis
- Pegawai yang bertanggungjawab menyemak Buku Tunai dengan resit setiap hari
- Pungutan dimasukkan ke bank dengan segera
- Setiap kemasukan pungutan ke bank dicatatkan ke dalam Buku Tunai pada hari yang sama
- Pegawai bertanggungjawab menyemak penyata pemungut selepas kemasukan ke bank
- Akaun Tunai Bulanan diserahkan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh ditetapkan
- Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan tepat dan betul
- Tempoh tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain (ABT) tidak melebihi 72 bulan
- Jumlah tunggakan ABT tahun semasa tidak meningkat melebihi 100%/RM10 juta berbanding tahun sebelumnya

6.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan untuk memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan penuh amanah; perolehan dibuat mengikut peraturan yang berkuat kuasa serta rekod mengenai perbelanjaan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan baik. Secara umumnya, prestasi Kawalan Perbelanjaan bagi JIM adalah pada tahap baik (83.1%). Hasil penemuan Audit terhadap 3 aspek utama pengurusan perbelanjaan iaitu Perakaunan; Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Bayaran adalah seperti berikut :-

6.4.4.1. Perakaunan

Pihak Audit mendapati kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan perakaunan antaranya adalah seperti di **Jadual 6.5**. Sebanyak 10 JIM Negeri perlu membuat penambahbaikan dari segi penyelenggaraan Buku Vot dan penyesuaian perbelanjaan.

**JADUAL 6.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PERAKAUNAN**

JABATAN IMIGRESEN	PERAKAUNAN			
	a	b	c	d
Ibu Pejabat	√	√	√	√
Johor	√	√	√	√
Kedah	√	x	x	x
Kelantan	√	√	√	√
Melaka	√	x	√	√
Negeri Sembilan	√	x	x	√
Pahang	√	x	x	x
Perak	√	√	√	√
Perlis	√	√	√	√
Pulau Pinang	√	x	x	x
Sabah	√	x	√	√
Sarawak	√	√	x	√
Selangor	√	√	√	√
Terengganu	√	x	x	√
W.P. Kuala Lumpur	√	x	x	x
W.P. Labuan	√	x	√	√

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi

- a. Tanggungan dan perbelanjaan dicatat dengan betul
- b. Buku Vot diperiksa oleh penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap, tepat dan betul
- d. Penyata penyesuaian dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan

6.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Semakan Audit mendapati rekod perolehan pembelian terus tidak dikemukakan kepada Ibu Pejabat JIM/Kementerian/Bahagian Audit Dalam setiap 3 bulan. Selain itu, kebenaran Perbendaharaan tidak diperolehi bagi pembelian di luar Kontrak Pusat/Panel Pembekal. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan perolehan antaranya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.6
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

JABATAN IMIGRESEN	PENGURUSAN PEROLEHAN													
	PEMBELIAN TERUS			SEBUT HARGA/TENDER/RUNDINGAN TERUS							REKOD DAN PERJANJIAN KONTRAK		KONTRAK PUSAT/PANEL PEMBEKAL	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n
Ibu Pejabat	√	√	x	√	√	√	√	√	x	√	√	x	√	TB
Johor	x	x	x	√	√	x	√	√	√	x	√	√	√	TB
Kedah	x	x	x	√	√	x	x	√	√	x	x	x	x	x
Kelantan	√	√	√	√	x	√	√	x	√	√	√	√	TB	TB
Melaka	√	√	x	x	√	√	√	√	√	TB	√	√	√	TB
Negeri Sembilan	x	√	√	x	√	√	√	√	√	√	x	x	√	TB
Pahang	x	x	x	x	√	√	x	√	√	√	√	√	√	√
Perak	x	x	x	√	√	√	√	√	√	√	√	√	x	x
Perlis	√	√	x	x	√	√	x	x	x	x	TB	TB	√	TB
Pulau Pinang	√	√	x	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Sabah	√	√	√	x	√	TB	TB	√	TB	TB	√	x	√	TB
Sarawak	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	TB
Selangor	√	√	x	√	√	√	√	√	√	√	√	x	√	TB
Terengganu	√	√	x	√	x	√	√	x	√	√	√	√	√	TB
W.P. Kuala Lumpur	√	x	√	x	√	√	x	√	x	√	√	√	x	x
W.P. Labuan	√	√	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Pembelian terus dibuat bagi setiap jenis item tidak melebihi RM50,000 setahun
- b. Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian
- c. Rekod Perolehan Pembelian Terus dikemukakan ke Ibu Pejabat/Pegawai Pengawal/Unit Audit Dalam setiap 3 bulan
- d. Peti tawaran Sebut Harga/Tender mempunyai 2 kunci berbeza yang dipegang oleh 2 orang pegawai kanan
- e. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender ada dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
- f. Perolehan bagi setiap jenis item secara sebut harga dan tender dibuat mengikut had nilai setahun yang ditetapkan
- g. Sebut Harga dipelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- h. Jawatankuasa Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal
- i. Minit mesyuarat keputusan Sebut Harga/Tender/Rundingan Terus disediakan dengan teratur
- j. Kajian pasaran dilaksanakan untuk memastikan harga yang ditawarkan adalah berpatutan
- k. Semua kontrak didaftarkan
- l. Daftar/Rekod pembayaran kontrak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran
- m. Pembelian barang kontrak pusat/panel pembekal telah dipatuhi
- n. Kebenaran Perbendaharaan diperolehi bagi pembelian yang dibuat luar dari Kontrak Pusat/Panel Pembekal

6.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Samakan Audit mendapati kelemahan yang ketara dalam pengurusan Daftar Bil di mana ia tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab. Selain itu, didapati bayaran tidak diproses dengan teratur. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan bayaran antaranya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.7
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN BAYARAN

JABATAN IMIGRESEN	PENGURUSAN BAYARAN														
	HAD KUASA			DAFTAR BIL		KAWALAN DALAMAN		BAYARAN PUKAL		PANJAR WANG RUNCIT	BAYARAN DI BAWAH AP 58(a)		BAYARAN DI BAWAH AP 59		
	a	b	c	d	e	f	g	h	l	j	k	l	m	n	o
Ibu Pejabat	√	√	√	√	√	x	x	√	√	√	√	√	x	√	x
Johor	√	√	x	√	x	√	x	√	√	√	√	√	√	TB	TB
Kedah	x	√	√	√	x	√	x	√	x	√	√	√	√	TB	TB
Kelantan	x	√	x	√	√	√	x	√	√	√	TB	TB	√	TB	TB
Melaka	√	√	√	√	x	x	x	√	x	√	TB	TB	√	TB	TB
Negeri Sembilan	√	√	√	√	x	√	x	x	√	x	√	√	√	TB	TB
Pahang	√	√	x	x	x	x	x	√	x	√	√	√	√	TB	TB
Perak	√	x	√	√	x	√	√	√	√	√	√	√	√	TB	TB
Perlis	x	√	√	√	√	√	x	√	x	√	TB	TB	√	TB	TB
Pulau Pinang	√	√	√	x	x	x	x	√	x	√	√	√	√	TB	TB
Sabah	√	√	√	√	x	√	√	√	x	√	√	TB	x	TB	TB
Sarawak	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	√	√	√	TB	TB
Selangor	√	√	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	√	TB	TB
Terengganu	x	√	√	√	x	x	x	x	x	√	TB	TB	√	TB	TB
W.P. Kuala Lumpur	x	√	√	x	x	√	x	√	√	√	√	√	√	TB	TB
W.P. Labuan	√	TB	√	√	x	√	√	√	√	√	√	√	√	TB	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem eSPKB selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar
- b. Capaian dalam sistem dibatalkan bagi pegawai bertukar/berhenti/bersara
- c. Perolehan harta modal di bawah Objek Sebagai 35000 hanya diluluskan oleh Pegawai Pengawal
- d. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- e. Daftar Bil disemak oleh pegawai bertanggungjawab
- f. Baucar bayaran disokong dengan dokumen yang lengkap dan sempurna
- g. Bayaran diproses dengan teratur
- h. Semua bil pukal dibayar melalui Sistem Bayaran Pukal
- i. Bil pukal disemak dan disahkan dengan bil asal dan tindakan pembedahan diambil jika ada perbezaan
- j. Panjar Wang Runcit diuruskan dengan teratur
- k. Justifikasi kelewatan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan [AP] 58(a) dinyatakan
- l. Kelulusan Akauntan Negara/Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) diperolehi bagi pembayaran di bawah AP 58(a)
- m. Pembayaran di bawah AP 59 tidak berlaku
- n. Kelulusan KSP diperolehi bagi pembayaran di bawah AP 59
- o. Siasatan dibuat dan laporan dikemukakan kepada KSP mengikut tempoh yang ditetapkan

6.4.5. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan akaun ini secara keseluruhannya adalah berada pada tahap baik (70.3%). Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan perlu diambil terhadap pengurusan Deposit Imigresen Bahagian Pekerja Asing. Ini adalah kerana Senarai Baki Pendeposit pada akhir tahun tidak dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara. Selain itu, tindakan pewartaan tidak dilakukan dengan sewajarnya terhadap deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan. Bagi deposit yang telah diwartakan pula,

tindakan untuk mengkreditkannya ke Akaun Hasil lewat dilakukan. Tindakan tersebut perlu dibuat selaras dengan Arahan Perbendaharaan 162. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit antaranya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.8
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN BERHUBUNG DENGAN
PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

JABATAN IMIGRESEN	PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT														
	AKAUN AMANAH		PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER			PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI		DEPOSIT IMIGRESEN BAHAGIAN PEKERJA ASING							
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o
Ibu Pejabat	√	√	√	√	√	x	x	√	√	√	√	x	√	√	x
Johor	TB	TB	x	√	√	x	x	x	x	√	x	x	√	x	TB
Kedah	TB	TB	x	x	√	TB	TB	√	√	√	x	TB	√	x	TB
Kelantan	TB	TB	√	√	√	TB	TB	√	x	√	√	x	√	x	√
Melaka	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	√	√	x	√	√	x	TB
Negeri Sembilan	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	√	√	√	√	x	x	x
Pahang	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	x	x	x	x	x	√	x	x
Perak	TB	TB	√	√	√	TB	TB	x	x	√	√	√	√	TB	TB
Perlis	TB	TB	√	√	√	TB	TB	√	√	√	√	√	√	√	√
Pulau Pinang	TB	TB	x	x	√	TB	TB	√	TB	√	x	x	√	x	x
Sabah	TB	TB	√	√	X	TB	TB	√	TB	√	√	√	√	√	√
Sarawak	TB	TB	√	√	√	TB	TB	√	TB	√	√	TB	√	TB	TB
Selangor	TB	TB	√	√	√	TB	TB	√	TB	√	√	x	√	x	x
Terengganu	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	x	√	x	x	√	x	TB
W.P. Kuala Lumpur	TB	TB	√	√	√	TB	TB	√	√	√	x	√	√	√	√
W.P. Labuan	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	√	TB	√	√	x	√	x	x

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Penyata Terimaan Dan Bayaran dikemukakan untuk tujuan pengauditan sebelum 31 Mac tahun berikutnya
- b. Sijil Audit Tanpa Teguran dikeluarkan
- c. Daftar Pinjaman diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Kelulusan pinjaman direkodkan di Buku Perkhidmatan pegawai
- e. Bayaran balik pinjaman adalah teratur
- f. Daftar Pendahuluan diselenggarakan dengan lengkap
- g. Bayaran balik pendahuluan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan
- h. Buku Akaun Utama dan Rekod Kecil diselenggarakan dengan lengkap
- i. Baki dalam Rekod Kecil dijumlahkan dan disamakan dengan Akaun Utama
- j. Akaun Deposit berbaki kredit
- k. Penyata penyesuaian disediakan setiap bulan dengan tepat
- l. Senarai Baki Pendeposit dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Audit Negara sebelum 31 Mac tahun berikutnya
- m. Bayaran balik deposit dibuat dengan teratur
- n. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan (serta tidak diperlukan) diwartakan
- o. Deposit yang tidak dituntut 3 bulan selepas diwartakan dikredit ke Akaun Hasil

6.4.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Semakan Audit bagi Pengurusan Aset Dan Stor dijalankan terhadap 3 elemen utama iaitu kawalan umum pengurusan aset dan stor; pengurusan kenderaan jabatan serta penyenggaraan aset, pelupusan, kehilangan dan hapus kira. Secara umumnya pengurusan aset JIM adalah pada tahap memuaskan (68.0%).

6.4.6.1. Kawalan Umum Pengurusan Aset Dan Stor

Semakan Audit mendapati kelemahan yang ketara berlaku dalam penyelenggaraan dokumen berkaitan aset dan stok. Selain itu, didapati pengeluaran stok adalah tidak teratur malahan pengiraan stok dan verifikasi stor juga tidak dilakukan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan umum bagi pengurusan aset dan stor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.9
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN UMUM PENGURUSAN ASET DAN STOR

JABATAN IMIGRESEN	KAWALAN UMUM PENGURUSAN ASET DAN STOR																					
	PENGURUSAN JKPAK/ PEGAWAI ASET/STOR					PENERIMAAN/ PENDAFTARAN DAN PELABELAN ASET					PENGUNAAN DAN PENYIMPANAN ASET					PEMERIKSAAN ASET/STOR						
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p	q	r	s	t	u	v
Ibu Pejabat	√	√	√	√	√	x	√	x	x	√	x	x	√	√	x	√	x	TB	x	√	√	x
Johor	√	x	√	√	√	√	√	√	√	√	TB	√	√	√	√	√	√	TB	√	x	√	x
Kedah	√	x	x	√	√	x	x	x	√	x	x	√	√	√	√	√	√	TB	√	√	√	√
Kelantan	√	√	√	√	√	√	TB	x	√	√	√	√	√	√	√	√	x	x	TB	x	√	x
Melaka	√	x	x	√	√	√	x	√	√	√	TB	√	√	√	√	√	√	TB	√	√	√	√
Negeri Sembilan	√	√	√	√	√	√	x	x	x	√	x	x	x	√	x	x	x	x	TB	x	√	x
Pahang	√	x	x	√	√	√	x	x	x	√	x	x	√	√	√	x	x	x	x	x	√	x
Perak	√	√	√	√	√	x	x	x	x	x	x	x	√	√	√	x	x	√	x	√	√	√
Perlis	√	x	√	√	√	x	TB	x	√	x	x	√	√	√	√	√	x	x	√	√	√	√
Pulau Pinang	√	√	√	√	√	√	x	x	x	√	√	x	√	√	√	√	TB	x	TB	√	√	√
Sabah	√	x	√	√	√	√	√	x	√	x	√	x	√	√	√	√	x	x	x	x	√	x
Sarawak	√	x	√	x	√	√	√	x	√	x	√	x	√	√	x	x	√	x	x	x	√	x
Selangor	√	x	x	√	√	x	√	x	√	√	TB	x	√	√	√	√	√	TB	x	x	√	x
Terengganu	√	√	√	x	√	√	x	x	x	√	x	x	√	√	√	x	x	x	x	x	√	√
W.P. Kuala Lumpur	√	x	√	x	x	x	x	x	x	x	TB	√	√	x	x	x	√	TB	x	x	√	x
W.P. Labuan	√	√	x	√	√	√	TB	x	x	√	x	√	x	√	√	x	√	TB	TB	TB	TB	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) ditubuhkan
- b. Mesyuarat JKPAK diadakan setiap 3 bulan sekali
- c. Hasil mesyuarat JKPAK dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
- d. Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) mempunyai Pegawai Aset yang dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal
- e. Pegawai Stor bertanggungjawab menguruskan stor
- f. Setiap PTJ mempunyai pegawai penerima untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor
- g. Bagi terimaan barang dari pembekal di stor pusat/utama, Borang Terimaan Barang-Barang (KEW.PS-1) disediakan oleh pegawai penerima dan diperakukan oleh pegawai pengesah
- h. Borang Aset KEW.PA-2/3/4/5, Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- i. Semua aset dilabelkan dengan "Hak Kerajaan Malaysia" dan nombor siri pendaftaran
- j. Aset yang dibeli digunakan
- k. Kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9)
- l. Pengeluaran barang stor adalah teratur
- m. Aset dan item stor disimpan di tempat yang selamat dan sesuai
- n. Dua Pegawai Pemeriksa Aset dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal
- o. Pemeriksaan terhadap aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun
- p. Laporan Pemeriksaan Harta Modal/Inventori (KEW.PA-10/11) disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan
- q. Pengiraan stok dilaksanakan
- r. Pelarasan stok dilaksanakan sekiranya terdapat perbezaan menggunakan Penyata Pelarasan Stok (KEW.PS-17)

- s. Pemeriksaan stok dilaksanakan 100%
- t. Laporan pemeriksaan/verifikasi stok (KEW.PS-14) disediakan dan disahkan oleh pegawai bertanggungjawab
- u. Pemverifikasi stok dilantik oleh Ketua Setiausaha (KSU)/Timbalan KSU/Ketua Pengarah (KP)/Timbalan KP
- v. Verifikasi stok dilaksanakan

6.4.6.2. Pengurusan Kenderaan Jabatan

Pihak Audit mendapati Buku Log kenderaan dan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, Penyata Pembelian Minyak tidak disemak kepada salinan resit pembelian minyak dan disahkan oleh pemegang Kad Inden Minyak. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan kenderaan Jabatan adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 6.10
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN KENDERAAN**

JABATAN IMIGRESEN	PENGURUSAN KENDERAAN										
	PEGAWAI KENDERAAN		PENGGUNAAN KENDERAAN			PENGGUNAAN KAD INDEN MINYAK			PENGGUNAAN KAD TOUCH n GO		
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k
Ibu Pejabat	√	√	x	x	x	√	x	x	√	√	√
Johor	√	x	√	x	x	x	x	x	x	x	x
Kedah	√	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√
Kelantan	√	√	√	√	√	x	x	√	√	x	√
Melaka	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√	x
Negeri Sembilan	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√	√
Pahang	√	√	x	x	x	√	x	x	x	√	x
Perak	√	√	x	x	√	√	x	√	√	√	√
Perlis	√	√	x	x	√	√	x	x	√	x	√
Pulau Pinang	√	x	√	√	√	√	x	x	√	√	x
Sabah	√	√	√	x	x	√	√	√	TB	TB	TB
Sarawak	√	x	√	√	√	x	x	x	x	x	x
Selangor	√	√	√	x	√	√	x	x	x	√	x
Terengganu	√	x	√	x	√	x	x	x	x	x	x
W.P. Kuala Lumpur	√	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√
W.P. Labuan	√	√	√	x	√	√	√	√	TB	TB	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Pegawai Kenderaan dilantik
- b. Fail Sejarah diselenggarakan bagi setiap kenderaan
- c. Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Kenderaan
- d. Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- e. Penggunaan minyak adalah munasabah
- f. Kad Inden Minyak disimpan oleh Pegawai Kenderaan melainkan ada keperluan mengisi minyak
- g. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- h. Penyata Pembelian Minyak disemak kepada salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad
- i. Daftar Kad Touch n Go diselenggarakan dengan lengkap
- j. Kad Touch n Go disimpan oleh Pegawai Kenderaan melainkan ada keperluan menggunakannya
- k. Daftar Penggunaan Kad Touch n Go diselenggarakan oleh pemandu dengan lengkap

6.4.6.3. Penyenggaraan Aset, Pelupusan, Kehilangan Dan Hapus Kira

Adalah didapati berlaku kelemahan di mana aset yang memerlukan penyenggaraan tidak direkod dalam Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan (KEW.PA-13). Bagi pelupusan stok pula, Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak dikemas kini apabila stok selesai dilupuskan. Bagi kes kehilangan melibatkan Ibu Pejabat JIM dan JIM Negeri Perak, pihak Audit mendapati Ketua Jabatan lewat mengemukakan Laporan Awal (KEW.PA-28) kepada Pegawai Pengawal, Jawatankuasa Penyiasat lewat dilantik dan Laporan Akhir (KEW.PA-30) lewat dikemukakan kepada kuasa melulus. JIM telah diluluskan hapus kira bagi kehilangan kenderaan, bagaimanapun Sijil Hapus Kira Aset (KEW.PA-31) tidak disediakan dalam tempoh sebulan dari tarikh kelulusan Perbendaharaan Malaysia. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan penyenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset di JIM adalah seperti di **Jadual 6.11** dan **Jadual 6.12** :-

**JADUAL 6.11
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENYENGGARAAN DAN PELUPUSAN**

JABATAN IMIGRESEN	PENYENGGARAAN ASET			PELUPUSAN ASET/STOR						
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
Ibu Pejabat	√	√	√	√	√	x	√	TB	TB	√
Johor	x	x	x	√	√	√	√	TB	TB	TB
Kedah	x	x	√	√	√	√	√	TB	TB	TB
Kelantan	x	x	x	√	√	√	√	x	x	x
Melaka	√	√	√	√	√	√	√	TB	√	TB
Negeri Sembilan	x	√	√	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Pahang	x	x	x	√	x	x	√	TB	TB	√
Perak	x	x	√	√	√	√	√	TB	x	√
Perlis	x	x	x	√	√	x	√	TB	TB	TB
Pulau Pinang	√	√	√	√	√	x	√	TB	x	TB
Sabah	x	√	√	√	√	√	√	x	x	x
Sarawak	√	√	√	√	√	√	√	TB	TB	TB
Selangor	√	√	√	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Terengganu	x	x	x	√	√	√	√	TB	TB	TB
W.P. Kuala Lumpur	x	x	x	√	x	√	√	TB	TB	√
W.P. Labuan	x	√	x	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Aset yang perlu disenggara direkod dalam Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan (KEW.PA-13)
- b. Program Penyenggaraan disediakan dan penyenggaraan dilaksanakan seperti yang dirancang
- c. Penyenggaraan yang dilaksanakan direkod dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14)
- d. Pegawai Pengawal melantik Lembaga Pemeriksa Aset berdasarkan jawatan
- e. Aset yang perlu dilupus disenaraikan dalam Laporan Lembaga Pemeriksa Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-17) oleh Urus Setia Pelupusan
- f. Lembaga Pemeriksa mengemukakan kepada Urus Setia Pelupusan, KEW.PA-17 berserta dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 2 minggu selepas pemeriksaan dijalankan
- g. Urus Setia mendapat kelulusan pelupusan daripada pihak berkuasa melulus
- h. Pemeriksaan bagi pelupusan stok menggunakan Borang Laporan Pelupusan Stok Bernilai Rendah (KEW.PS-19)
- i. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) dikemas kini
- j. Sijil Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-19) dikemukakan kepada kuasa melulus berserta dokumen sokongan yang lengkap

**JADUAL 6.12
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA**

JABATAN IMIGRESEN	KEHILANGAN ASET/STOR					HAPUS KIRA ASET/STOR			
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	x	√	√	x	√	x	x	√	x
Johor	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Kedah	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Kelantan	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Melaka	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Negeri Sembilan	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Pahang	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Perak	x	x	√	x	√	x	x	TB	TB
Perlis	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Pulau Pinang	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Sabah	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Sarawak	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Selangor	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Terengganu	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
W.P. Kuala Lumpur	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
W.P. Labuan	√	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB

Nota : √ - Mematuhi x - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Kehilangan tidak berlaku pada tahun semasa
- b. Pegawai yang bertanggungjawab melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta
- c. Ketua Jabatan/pegawai bertanggungjawab membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan
- d. Ketua Jabatan/pegawai atasan di peringkat Ibu Pejabat mengemukakan Laporan Awal (KEW.PA-28) beserta salinan laporan polis kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan (jika berkenaan) dalam tempoh 2 hari bekerja
- e. Salinan KEW.PA-28 dikemukakan kepada KSU, Akauntan Negara, Ketua Audit Negara
- f. Jawatankuasa Penyiasat dilantik oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh KEW.PA-28
- g. Laporan Akhir (KEW.PA-30) dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 4 bulan dari tarikh KEW.PA-28 dikemukakan
- h. Pihak melulus hapus kira adalah kuasa melulus yang ditetapkan
- i. Tindakan selepas kelulusan adalah teratur

6.5. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan Jabatan Imigresen Malaysia berada pada tahap baik (78.3%), namun masih terdapat kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Sehubungan ini, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

6.5.1. Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam urusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut.

6.5.2. Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang berkenaan dipertingkatkan dengan memberi latihan yang sewajarnya serta mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai dalam menjalankan urusan kewangan Jabatan.

6.5.3. Menggalakkan pewujudan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan.

6.5.4. Mengambil tindakan surcaj terhadap pegawai yang tidak menjalankan urusan kewangan dengan teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Bahagian yang gagal mengambil tindakan pemantauan terhadap urusan kewangan yang dijalankan oleh pegawai bawahan.

6.5.5. Memastikan Unit Audit Dalam Kementerian memainkan peranan yang lebih penting dalam memastikan semua pejabat mematuhi peraturan berhubung dengan pengurusan kewangan.

6.5.6. Mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop tertentu.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

7. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

7.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Luar Negeri (Kementerian) adalah bertanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; pelancongan; pendidikan serta sains dan teknologi. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 107 pejabat perwakilan di 81 negara. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta Besar, Wakil Tetap, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul Jeneral dan Konsul. Perbelanjaan mengurus bagi semua pejabat perwakilan di luar negeri untuk tahun 2009 adalah berjumlah RM380.10 juta.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri adalah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

7.3.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2009 di 14 pejabat perwakilan seperti berikut :-

- a. Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam
- b. Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja
- c. Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane, Laos
- d. Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia
- e. Kedutaan Besar Malaysia di Almaty, Kazakhstan
- f. Kedutaan Besar Malaysia di Tashkent, Uzbekistan
- g. Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman
- h. Kedutaan Besar Malaysia di Rome, Itali
- i. Kedutaan Besar Malaysia di Budapest, Hungary
- j. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei
- k. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura
- l. Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman
- m. Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam
- n. Konsulat Malaysia di Pontianak, Indonesia

7.3.2. Semakan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 7 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan deposit/pendahuluan; pengurusan aset dan inventori; wang tunai di tangan serta pengurusan panjar.

7.3.3. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dilakukan di pejabat-pejabat perwakilan yang dilawati. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap aset pejabat-pejabat berkenaan termasuk bangunan yang dimiliki dan disewa oleh Kerajaan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

7.4.1. Kawalan Pengurusan

Untuk menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap aspek-aspek kawalan pengurusan antaranya penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa dan tindakan susulan hasil daripada teguran audit. Semakan Audit mendapati secara umumnya pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. **Bagaimanapun urusan penyediaan Fail Meja perlu diberikan perhatian bagi memantapkan lagi kawalan pengurusan di pejabat-pejabat perwakilan berkenaan.** Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.1
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN PENGURUSAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PENGURUSAN						
	1	2	3	4	5	6	7
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja	X	X	✓	X	✓	TB	X
Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane, Laos	X	X	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Almaty, Kazakhstan	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Tashkent, Uzbekistan	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Rome, Itali	X	X	✓	✓	✓	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Budapest, Hungary	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei	✓	✓	X	✓	X	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓
Konsulat Malaysia di Pontianak, Indonesia	X	X	✓	✓	X	TB	X
PERATUS PEMATUHAN	71%	50%	93%	93%	86%	100%	86%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkaitan

1. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
2. Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
3. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah melaksanakan fungsi seperti ditetapkan
4. Penurunan kuasa dibuat dengan teratur
5. Teguran Jabatan Audit Negara dijawab dan tindakan susulan diambil
6. Teguran Unit Audit Dalam dijawab dan tindakan susulan diambil
7. Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan mengikut ketetapan

7.4.2. Kawalan Terimaan

Untuk menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan terimaan iaitu penyelenggaraan Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67); Buku Tunai; Daftar Mel; Borang Hasil dan kemasukan pungutan ke bank. Secara umumnya, kawalan terimaan bagi 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. **Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa pejabat perwakilan yang dilawati tidak menyelenggara Buku Tunai dan Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67) dengan teratur, lengkap dan kemas kini.** Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terimaan adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 7.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN TERIMAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN TERIMAAN				
	1	2	3	4	5
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane, Laos	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	X	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Almaty, Kazakhstan	✓	✓	X	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Tashkent, Uzbekistan	✓	✓	✓	✓	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	X	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Rome, Itali	X	X	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Budapest, Hungary	✓	✓	X	X	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei	✓	✓	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam	X	✓	✓	✓	✓
Konsulat Malaysia di Pontianak, Indonesia	✓	✓	X	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN	64%	86%	57%	93%	85%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkaitan

1. *Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67) diselenggarakan dengan teratur*
2. *Borang hasil (resit/lesen/permit) yang dikeluarkan untuk diguna disimpan dengan selamat dan diselenggara dengan teratur*
3. *Buku Tunai diselenggarakan dengan lengkap, disemak dan dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan*
4. *Semua kutipan dibankkan dengan segera dan tepat serta keselamatan dijaga*
5. *Daftar Mel diselenggarakan dengan lengkap dan disemak*

7.4.3. Kawalan Perbelanjaan

Secara umumnya, prestasi kawalan perbelanjaan bagi 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah pada tahap yang baik. **Bagaimanapun, terdapat pejabat perwakilan yang masih tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung dengan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil.** Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.3
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN PERBELANJAAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PERBELANJAAN				
	1	2	3	4	5
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane, Laos	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Almaty, Kazakhstan	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Tashkent, Uzbekistan	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Rome, Itali	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Budapest, Hungary	✓	✓	X	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei	✓	X	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓	X	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam	X	✓	X	✓	✓
Konsulat Malaysia di Pontianak, Indonesia	✓	✓	X	✓	X
PERATUS PEMATUHAN	64%	93%	50%	93%	93%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

1. *Buku Vot diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
2. *Maklumat mengenai bayaran dan terimaan bagi setiap kontrak dicatat dalam Daftar Kontrak*
3. *Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disemak sewajarnya*
4. *Bayaran dibuat dengan betul dan tepat selaras dengan undang-undang dan peraturan serta direkodkan dengan sempurna*
5. *Laporan Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan ke Kementerian dalam tempoh ditetapkan*

7.4.4. Pengurusan Deposit Dan Pendahuluan Diri/Pelbagai

Secara umumnya, prestasi pengurusan deposit dan pendahuluan diri/pelbagai adalah baik di mana sebahagian besar pejabat perwakilan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kedudukan pematuhan terhadap setiap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan deposit dan pendahuluan diri/pelbagai adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN BERHUBUNG
DENGAN PENGURUSAN DEPOSIT DAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN DEPOSIT DAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI		
	1	2	3
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane, Laos	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Almaty, Kazakhstan	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Tashkent, Uzbekistan	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Rome, Itali	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Budapest, Hungary	✓	✓	X
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	TB

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN DEPOSIT DAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI		
	1	2	3
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam	✓	✓	TB
Konsulat Malaysia di Pontianak, Indonesia	X	X	✓
PERATUS PEMATUHAN	93%	86%	83%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkaitan

1. Rekod subsidiari diselenggarakan bagi deposit dan pendahuluan diri/pelbagai
2. Rekod subsidiari deposit dan pendahuluan diri/pelbagai diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
3. Bayaran balik deposit dan pendahuluan diri/pelbagai dibuat sewajarnya

7.4.5. Pengurusan Aset Dan Inventori

7.4.5.1. Secara umumnya, prestasi pengurusan aset dan inventori di 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik kecuali urusan pendaftaran aset, pelabelan aset dan penyelenggaraan Buku Log bagi kenderaan rasmi pejabat. Pihak Kementerian perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan urusan-urusan tersebut dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset dan inventori adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 7.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI							
	1	2	3	4	5	6	7	8
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja	X	X	X	✓	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane, Laos	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Almaty, Kazakhstan	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Tashkent, Uzbekistan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Rome, Itali	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Budapest, Hungary	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei	X	X	X	X	✓	X	X	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City, Vietnam	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓
Konsulat Malaysia di Pontianak, Indonesia	✓	X	X	X	✓	X	X	X
PERATUS PEMATUHAN	79%	71%	50%	64%	100%	86%	50%	86%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

1. Pegawai Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan
2. Pegawai Penerima Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan
3. Aset didaftar sewajarnya dalam format yang betul
4. Aset dilabelkan sewajarnya
5. Aset disimpan dan diguna dengan teratur
6. Aset diperiksa dan stok diverifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan
7. Buku Log kenderaan diselenggarakan dengan teratur
8. Pelupusan aset dilaksanakan dengan sempurna

7.4.5.2. Pemeriksaan fizikal terhadap beberapa aset di pejabat perwakilan yang dilawati mendapati perkara berikut :-

- a. **Kedutaan Besar Malaysia Di Hanoi, Vietnam** - Aset yang rosak/usang dan tidak boleh digunakan lagi seperti mesin fotostat, komputer dan mesin taip yang sepatutnya dilupuskan masih disimpan di dalam stor seperti di **Gambar 7.1 dan 7.2**. Tindakan pelupusan yang segera perlu diambil ke atas aset-aset tersebut bagi memanfaatkan penggunaan stor sewajarnya.

GAMBAR 7.1



GAMBAR 7.2



*Kedutaan Besar Malaysia Di Hanoi, Vietnam
- Antara Aset Lama Yang Telah Usang Dan Masih Disimpan Dalam Stor
(03.12.2009)*

- b. **Konsulat Jeneral Malaysia Di Ho Chi Minh City, Vietnam** - Satu set komputer peribadi berserta satu unit mesin pencetak yang diperolehi pada bulan Disember 2007 masih belum digunakan dan disimpan di dalam stor seperti di **Gambar 7.3 dan 7.4**. Komputer dan mesin pencetak tersebut perlu digunakan secara optimum bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan sekiranya aset tersebut usang atau tamat tempoh waranti.

GAMBAR 7.3



GAMBAR 7.4



*Konsulat Jeneral Malaysia Di Ho Chi Minh City, Vietnam
- Set Komputer Peribadi Berserta Mesin Pencetak Yang Diperolehi
Belum Digunakan Dan Disimpan Di Dalam Stor
(07.12.2009)*

7.4.6. Pengesahan Wang Tunai Di Tangan

Pemeriksaan Audit terhadap wang tunai yang dipegang oleh pegawai di pejabat perwakilan yang dilawati mendapati pada umumnya kesemua pejabat perwakilan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Jumlah wang tunai yang dipegang adalah bersamaan dengan rekod yang berkaitan.

7.4.7. Pengurusan Panjar

Semua urusan niaga terimaan dan bayaran di pejabat perwakilan di luar negeri dibuat melalui Akaun Panjar 3/12. Dokumen yang berkaitan dikemukakan oleh pejabat perwakilan kepada Kementerian pada setiap awal bulan untuk tujuan rekapan, semakan dan diperakunkan ke vot berkenaan. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan panjar meliputi perakaunan ke dalam Buku Tunai Panjar, penyediaan Penyata Perbelanjaan Panjar Bulanan, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dan kawalan terhadap Buku Cek mendapati kesemua pejabat perwakilan yang dilawati telah menguruskan panjar mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

7.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, pengurusan kewangan di 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di pejabat-pejabat perwakilan tersebut, adalah disyorkan supaya Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

7.5.1. Memastikan wujudnya mekanisme pemantauan yang teratur di peringkat pejabat perwakilan untuk memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berkesan.

7.5.2. Memastikan urusan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil adalah teratur di pejabat perwakilan dengan menetapkan semua pegawai terlibat diberi latihan secukupnya sebelum bertugas di luar negeri.

7.5.3. Memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan aset dan inventori seperti mendaftar dan melabel aset; menggunakan aset yang dibeli; melupuskan aset yang rosak/usang serta menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi tujuan tersebut, pegawai yang terlibat dengan pengurusan aset perlu diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya.

PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

8.1. LATAR BELAKANG

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang telah dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi; bilik kebal; peti wang tunai; laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2009 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 198 Jabatan/Pejabat Persekutuan di peringkat Negeri/Daerah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 8.1
JABATAN/PEJABAT YANG DIAUDIT**

JABATAN/PEJABAT PERSEKUTUAN DI PERINGKAT NEGERI/DAERAH	BILANGAN
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri/Balai Bomba Dan Penyelamat Daerah	65
Jabatan Pendaftaran Negara - Negeri/Daerah	40
Jabatan Kemajuan Masyarakat - Negeri/Daerah	18
Jabatan Kesihatan Negeri - Bahagian/Unit Farmasi	14
Jabatan Imigresen Malaysia - Negeri/Cawangan	12
Jabatan Belia Dan Sukan Negeri/Kompleks Belia Dan Sukan	8
Pejabat Polis Daerah/Cawangan Trafik/Balai Polis	5
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	5
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	4
Kolej Kejururawatan/Kolej Jururawat Masyarakat	4
Hospital Daerah Tanah Merah, Kelantan dan Kajang, Selangor	2
Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah, Kelantan dan Keningau, Sabah	2
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah/Klinik Pergigian Tanah Merah, Kelantan dan Jerantut, Pahang	2
Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Batu Pahat, Johor	2
Pejabat Perkhidmatan Veterinar Hulu Perak, Perak dan Gombak, Selangor	2
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan Jalan Raja Sakit Bangsar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1
Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Perlis	1
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Pulau Pinang	1
Jabatan Pengangkutan Jalan, Keningau, Sabah	1
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, Seberang Perai, Pulau Pinang	1
Jabatan Ukur Dan Pemetaan, Perlis	1
Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor	1
Kolej Radiografi Dan Radioterapi, Hospital Sultanah Aminah, Johor	1
Pejabat Hal Ehwal Orang Asli, Daerah Jerantut, Pahang	1
Pejabat Pelajaran Daerah, Kota Setar, Kedah	1
Pejabat Perlindungan Hidupan Liar Daerah Gerik, Perak	1
Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah	1
Radio Televisyen Malaysia (Stesen Pemancar), Kajang, Selangor	1
JUMLAH	198

8.2 PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pemeriksaan audit mengejut yang dijalankan mendapati pada umumnya, kelemahan yang diperhatikan tidak banyak berbeza dengan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu. Secara keseluruhannya, kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut :-

- a. Surat penurunan kuasa tidak diberikan kepada pegawai yang menerima wang.
- b. Ketidapatuhan peraturan kewangan untuk urusan resit adalah seperti berikut :-
 - i. Resit lewat dikeluarkan.
 - ii. Resit rasmi tidak diserahkan kepada pembayar.
 - iii. Resit yang dikeluarkan tidak dicatatkan tarikh.
- c. Daftar Mel untuk merekod terimaan wang dan barang yang berharga tidak diselenggarakan/tidak lengkap dan tidak kemas kini.
- d. Terimaan melalui mel masih belum dicatatkan di dalam Buku Tunai.
- e. Wang kutipan tidak disimpan di tempat yang selamat. Contohnya hanya disimpan di dalam laci meja pegawai.
- f. Pengurusan peti besi tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan seperti berikut :-
 - i. Peti besi mempunyai satu kunci dan nombor kombinasi dipegang oleh seorang pegawai sahaja.
 - ii. Surat penurunan kuasa tidak diberikan kepada pemegang kunci peti besi.
 - iii. Wang untuk dibahagi-bahagikan di bawah Arahan Perbendaharaan 96 disimpan dalam peti besi yang tidak dicantumkan dengan kukuh pada rangka bina bangunan.
- g. Peraturan kewangan yang melibatkan borang hasil tidak dipatuhi seperti berikut :-
 - i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan/tidak lengkap dan tidak kemas kini.
 - ii. Pelbagai jenis borang hasil yang belum digunakan tidak disimpan dengan selamat.
 - iii. Rekod pengeluaran dan penggunaan Borang Permohonan Kad Pengenalan (KPPK 09) serta Borang Cabutan Lahir (JPN LM 15) tidak diselenggarakan/tidak lengkap dan tidak kemas kini.
 - iv. Di Jabatan Imigresen Cawangan Teluk Intan, Perak, sebanyak 414 Surat Akuan Perjalanan Terhadap Singapura (IM44A) yang tidak lagi diguna pakai masih disimpan dalam peti besi. Manakala terdapat dokumen kawalan tidak direkodkan dalam Daftar Borang Hasil dan tidak dapat dikesan secara fizikal seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.2
DOKUMEN KAWALAN TIDAK DIREKODKAN DALAM DAFTAR BORANG HASIL

JENIS	RUJUKAN (NO. SIRI)	BILANGAN TIDAK DIREKODKAN
Buku Pasport Antarabangsa	20419001 hingga 20419500	500
Buku Surat Perjalanan Kumpulan IMI01	216701 hingga 216900	200
Dokumen Perjalanan Terhad	618051 hingga 618150	100
Buku Perakuan Cemas	504501 hingga 504540	40
JUMLAH		840

JADUAL 8.3
DOKUMEN KAWALAN TIDAK DAPAT DIKESAN

JENIS	RUJUKAN (NO. SIRI)	BILANGAN TIDAK DAPAT DIKESAN
Buku Surat Perjalanan Kumpulan (IM101)	197101 hingga 197250	150
Buku Dokumen Perjalanan Terhad Sabah/Sarawak	581951 hingga 582000 588371 hingga 588420	100
Buku Sijil Perakuan Cemas (IM40)	504441 hingga 504450	90
Buku Pasport Malaysia (64 Muka Surat)	17360001 hingga 17360050	50
JUMLAH		390

- h. Tiada bukti pemeriksaan dibuat terhadap Buku Tunai, laporan kutipan harian, salinan penyata pemungut dan slip bayar masuk bank oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- i. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan atau tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan atau secara menyeluruh.
- j. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan.
- k. Panjar Wang Runcit tidak diuruskan dengan teratur seperti berikut :-
 - i. Tuntutan telah didahulukan oleh pegawai pemegang panjar disebabkan rekupmen masih belum diterima.
 - ii. Rekupan panjar lewat dibuat.
 - iii. Buku Tunai Panjar tidak kemas kini atau tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.
 - iv. Baki wang dalam tangan berbeza dengan baki yang ditunjukkan dalam rekod Jabatan/Pejabat.

8.3. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembedahan dengan sewajarnya. Sebahagian daripada Ketua Jabatan/Pejabat berkenaan telah memaklumkan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan. Bagaimanapun, masih terdapat Ketua Jabatan/Pejabat yang belum memberi maklum balas terhadap pemerhatian yang dibangkitkan.



BAHAGIAN III

**PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM
PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN
AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM**

BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat dan juga menjalankan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi memenuhi permintaan daripada Kementerian Kewangan. Sepanjang tahun 2009, penglibatan Jabatan Audit Negara dalam perkara ini adalah seperti berikut :-

9. PROGRAM ANAK ANGKAT

9.1. Pendahuluan

9.1.1. Program Anak Angkat yang mula diperkenalkan pada tahun 2003 adalah merupakan satu daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan awam. Melalui program ini, beberapa pejabat yang dikenal pasti menghadapi masalah pengurusan kewangan telah dipilih dan diberi bimbingan serta nasihat oleh Jabatan Audit Negara. Ini bertujuan membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod kewangan. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah meneruskan pelaksanaan Program Anak Angkat ini di 5 pejabat di bawah Kementerian/Jabatan berkenaan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.1
PEJABAT YANG DIPILIH SEBAGAI ANAK ANGKAT

PEJABAT	KEMENTERIAN/JABATAN
1. Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor	Kementerian Pengajian Tinggi
2. Pejabat Kesihatan Daerah Sik, Kedah	Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan	Kementerian Dalam Negeri
4. Mahkamah Seksyen Ipoh, Perak	Jabatan Perdana Menteri
5. Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

9.1.2. Pendekatan Audit melibatkan penilaian secara menyeluruh pengurusan kewangan pejabat Anak Angkat untuk mengenal pasti punca kelemahan yang dibangkitkan. Bagi tujuan ini, semakan telah dibuat terhadap rekod, dokumen dan fail yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kutipan hasil, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Selain itu, pegawai/kakitangan di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan turut diberi latihan secara teori dan praktikal. Tahap pencapaian dalam penambahbaikan pengurusan kewangan juga dipantau dari semasa ke semasa. Sehubungan ini, lawatan ke pejabat Anak Angkat dibuat secara berkala bagi tempoh satu tahun.

9.2. Tahap Pencapaian

Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan terhadap pejabat yang dipilih sebagai Anak Angkat telah bertambah baik di mana semua kelemahan yang dibangkitkan telah/sedang diambil tindakan pembetulan selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Audit Negara. Berikut diberikan tahap pencapaian pejabat yang telah dijadikan Anak Angkat :-

9.2.1. Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta organisasi tidak lengkap dan tidak kemas kini.	/	
Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak kemas kini kerana tidak mengambil kira penstrukturan baru jabatan serta tidak mengemas kini peraturan dan jawatankuasa yang dianggotai.		/
Jawatan penting di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan masih belum diisi.		/
Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan tidak disediakan.		/
KAWALAN TERIMAAN		
Resit yang dibatalkan tidak disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.	/	
Laporan Akaun Belum Terima tidak dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Tiada bukti penyemakan oleh pegawai penyelia terhadap Buku Vot (BV381) dan Daftar Bil (BV380).	/	
Tiada bukti semakan dibuat ke atas Laporan Terperinci Pembayaran Pukal (BP21) dengan bil asal bayaran pukal.	/	
PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR		
Hasil mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.	/	
Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak kemas kini.	/	
Daftar kad <i>Touch N Go</i> dan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak diselenggarakan.	/	

9.2.2. Pejabat Kesihatan Daerah Sik, Kedah

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta organisasi belum disediakan.	/	
Manual Prosedur Kerja yang disediakan sepatutnya mengandungi 8 perkara sahaja tetapi mengandungi 14 perkara seperti Fail Meja.	/	
Fail Meja tidak lengkap dan tidak dikemaskinikan.	/	
Senarai tugas tidak dikemaskinikan dan tidak ditandatangani oleh pegawai serta tarikh kuat kuasa senarai tugas tidak dicatatkan.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Buku stok borang hasil tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Borang hasil direkodkan bersama dokumen lain yang tiada kaitan dengan hasil. Daftar Borang Hasil (KEW.67) tidak diselenggarakan/tidak lengkap dan tidak kemas kini.	/	
Tiada bukti buku stok borang hasil telah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa.	/	
Borang-borang hasil seperti resit KEW. 38 dan kupon-kupon hasil tidak disimpan dengan sempurna dan dikawal.	/	
Buku stok resit tidak dikemaskinikan dan tiada bukti semakan dilakukan terhadap buku stok ini.	/	
Serahan wang ke bank tidak dilakukan pada setiap hari atau pada keesokan hari bagi pungutan lewat.	/	
Borang hasil tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sebelum ia digunakan.	/	
Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Pejabat terhadap pungutan hasil sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 6 bulan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Buku Vot tidak diperiksa dan disah oleh pegawai yang diberi kuasa.	/	
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.	/	
Daftar Bil tidak dicetak dan tidak diperiksa pada setiap bulan.	/	
PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR		
Harta modal dan inventori yang dibeli pada tahun 2006 hingga 2008 masih direkodkan dalam kad harta modal/inventori lama dan masih belum dipindahkan ke kad baru iaitu Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3).	/	
Kad Petak (KEW.PS-4) tidak disimpan bersama dengan barang-barang stor dan tidak dipamerkan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Aset tidak diberi nombor siri pendaftaran atau nombor siri pendaftaran tidak dicatat pada aset.	/	
Butiran aset tidak direkod dengan lengkap dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3).	/	
Butiran penyenggaraan tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).	/	
Pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori tidak dilaksanakan sepertimana yang ditetapkan [Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11)].	/	
Borang Aduan Kerosakan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-9) tidak diisi dengan lengkap.	/	
Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	/	
Cerakinan Penggunaan Bahan Api Dibuat Pada Setiap Bulan Tidak Memuaskan seperti berikut :- a. Penggunaan bahan api untuk kenderaan bernombor MNH 6391 direkodkan dengan liter/km dan bukannya liter/100km. b. Penggunaan bahan api untuk kenderaan bernombor KCC 445 direkodkan dengan batu segelen dan bukannya liter/100km. c. Cerakinan bahan api bulan Oktober 2009 untuk kenderaan bernombor KAV 4976 tidak disediakan.	/	
Pegawai penerima belum dilantik.	/	

9.2.3. Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Manual Prosedur Kerja belum disediakan.		/
Fail Meja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.		/
Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut kekerapan yang ditetapkan iaitu tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan. Dalam tahun 2009, pemeriksaan pertama dijalankan pada 28 September 2009.		/
Agenda mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun seperti latihan/kursus, pengurusan bajet serta pengurusan stor tidak dibincangkan.	/	
Terdapat pegawai di Unit Kewangan yang tidak menghadiri kursus berkaitan kewangan pada tahun 2009 dan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.		/

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN TERIMAAN		
Resit (KEW.38) yang dikeluarkan daripada stok tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk memastikan resit yang belum digunakan masih utuh.		/
KAWALAN PERBELANJAAN		
Semakan tidak dibuat terhadap Laporan Perbelanjaan Harian (BV381) bagi bulan September dan Oktober 2009.	/	
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan lewat dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia.	/	
Laporan Terperinci Perbelanjaan yang diterima daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak dicop tarikh terima untuk memastikan penyata penyesuaian dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh 2 minggu dari tarikh laporan tersebut diterima.	/	
Laporan Terperinci Pembayaran Pukal (BP21) tidak disemak dengan invois/bil yang diterima.	/	
Invois/bil bayaran pukal yang telah dibayar tidak dicop "TELAH BAYAR" bagi mengelakkan pembayaran 2 kali.	/	
Kunci peti sebut harga dipegang oleh 2 pegawai kanan yang berbeza. Bagaimanapun, pendua bagi kedua-dua kunci tersebut dipegang oleh seorang pegawai.	/	
Jabatan tidak mempamerkan pemberitahuan sebut harga selain daripada mempelawa sebut harga kepada penyebut harga yang dikenal pasti.		/
PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT		
Buku Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan.		/
Penyata Penyesuaian Deposit bagi bulan Januari hingga September 2009 tidak dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.	/	

9.2.4. Mahkamah Seksyen Ipoh, Perak

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Kekosongan jawatan dan tarikh kemas kini tidak dinyatakan dalam carta organisasi.	/	
Fail Meja untuk kakitangan Bahagian Kewangan tidak diselenggara atau tidak dikemaskinikan.	/	
Senarai tugas tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Pemeriksaan mengejut dijalankan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan tetapi tidak meliputi baki buku resit KEW.38 dan Pin.1/82 dalam stor.	/	
Minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak disediakan dalam tempoh 3 hari selepas mesyuarat dijalankan dan kali terakhir mesyuarat diadakan ialah pada 1 April 2009.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Pegawai yang membatalkan resit tidak diberi kuasa secara bertulis.	/	
Tiada perakuan pengesahan semakan nombor siri di belakang helaian pertama salinan pejabat di buku resit [KEW.38 dan Pin.1/92 (Resit Persekutuan)].	/	
Tiada bukti semakan mingguan dilakukan pada resit [KEW.38 dan Pin.1/92 (Resit Persekutuan)] oleh pegawai penyelia untuk memastikan bahawa semua borang yang belum diperakaukan masih utuh.	/	
Daftar Borang Hasil (KEW.67) tidak diselenggarakan dengan lengkap.	/	
Baki stok borang hasil tidak dicatat di Penyata Borang Hasil Yang Dikawal (KEW.68).	/	
Tiada rekod baucar penerimaan/pengeluaran stok ke Pusat Tanggungjawab bagi resit Pin.1/92 (Resit Persekutuan).	/	
Daftar Mel tidak diselenggara dan dikemaskinikan serta tiada semakan dilakukan oleh pegawai penyelia.	/	
Tiada kawalan keselamatan seperti bantuan polis bagi mengiringi kemasukan pungutan ke bank.	/	
Kemasukan pungutan ke bank bagi tempoh 7 hingga 18 Mei 2009 tidak dicatat ke dalam Buku Tunai dengan segera.	/	
Buku Tunai tahun 2008 lewat diserahkan kepada Pejabat Pembayar.	/	
Penyata Penyesuaian Hasil lewat disediakan dan tidak dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.	/	
PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR		
Pegawai penerima tidak dilantik.	/	
Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak ditempatkan di sesetengah bilik seperti di Kamar Hakim.	/	
Daftar Harta Modal (KEW.PA-2), Daftar Inventori (KEW.PA-3), Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) tidak disimpan dengan teratur.	/	
Seorang Pegawai Pengangkutan tidak dilantik secara bertulis.	/	
Ruangan Cerakinan Penggunaan Bahan Api Bulanan tidak diisi pada setiap akhir bulan oleh Pegawai Pengangkutan yang telah dilantik.	/	
Tiada bukti pemeriksaan dibuat di Buku Log kenderaan oleh Pegawai Pengangkutan dan Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa.	/	
Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan mengikut format yang ditetapkan.	/	

9.2.5. Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta organisasi tidak lengkap dan tidak kemas kini.	/	
Manual Prosedur Kerja tidak diselenggarakan.	/	
Fail Meja masih belum lengkap dan kemas kini.	/	
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak mematuhi arahan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2008.	/	
Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan dalam tempoh setiap 6 bulan sekali.	/	
Surat penurunan kuasa belum disediakan untuk kakitangan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Buku Vot (BV381) belum dicetak dan dikemaskinikan. Tiada bukti penyemakan telah dibuat oleh pegawai penyelia.	/	
Daftar Bil belum diselenggara dan dicetak.	/	
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan belum disediakan.	/	
Buku Panjar Wang Runcit belum dikemaskinikan.	/	
PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR		
Pegawai aset masih belum dilantik.	/	
Pendaftaran aset belum dibuat dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3).		/
Pelabelan aset belum dilaksanakan.	/	
Buku Log kenderaan belum dikemaskinikan.	/	
Daftar kad Inden Minyak belum disediakan.	/	
Pelupusan aset belum dibuat.		/

9.3. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada kemajuan pengurusan kewangan yang ditunjukkan oleh pejabat yang menyertai Program Anak Angkat, dapatlah dirumuskan bahawa kelemahan pengurusan kewangan boleh diperbaiki sekiranya penyeliaan yang rapi diberikan kepada pegawai bawahan, panduan kerja yang jelas disediakan, latihan serta motivasi yang mencukupi dan berterusan diberi kepada pegawai/kakitangan untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen.

10. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga Mei 2010, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 82 Ketua Jabatan. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan baik.



BAHAGIAN IV

PERKARA AM

BAHAGIAN IV PERKARA AM

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2008

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2008 telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober 2009.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

12.1. Bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga Mei 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah bermesyuarat sebanyak 48 kali. Selain daripada membincangkan topik yang berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah membincangkan perkara yang berkaitan dengan isu semasa. Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk membangkitkan apa sahaja topik di samping isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara berdasarkan kepada Seksyen 77 (d) Perintah Tetap Dewan Rakyat yang menyatakan :-

“.....such other matters as the Committee may think fit, or which may be referred to the Committee by the House.”

12.2. Mulai tahun 2001, topik yang dibincangkan oleh Jawatankuasa adalah mengikut tema tertentu. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu yang dibangkitkan dan juga melaporkan kedudukan masa kininya. Bagi membantu Jawatankuasa membincangkan perkara lain yang tidak disentuh dalam Laporan Ketua Audit Negara, Kementerian/Jabatan Persekutuan yang terlibat diminta memberikan taklimat. Perkara yang telah dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga Mei 2010 dan Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/ JAWATANKUASA TERLIBAT
10.02.2009	Jawapan Bank Negara Malaysia Mengenai Pembelian Saham Oleh Maybank Dalam PT. Bank Internasional Indonesia (BII)	Bank Negara Malaysia
25.02.2009	Kemelesetan Ekonomi Global : Kesan Terhadap Negara Dan Langkah Serta Strategi Bank Negara Malaysia Dalam Menghadapinya	Bank Negara Malaysia
04.03.2009	Kemelesetan Ekonomi Global : Kesan Terhadap Negara Dan Langkah Serta Strategi Bank Negara Malaysia Dalam Menghadapinya	Bank Negara Malaysia
15.04.2009	Pembelian Malaysia Medical Centre (SMC) Oleh Kerajaan	Kementerian Kesihatan
	Pelaburan MARA Dalam Kian Joo Can Factory Bhd	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah dan MARA Inc. Sdn. Bhd.
16.04.2009	Pembelian Saham AirAsia Oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Kementerian Kewangan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
22.04.2009	Ketelusan Khazanah Nasional Dalam Pembentangan Laporan Kewangan Dan Prestasi Pelaburan	Kementerian Kewangan dan Khazanah Nasional Berhad
23.04.2009	Penjualan Saham MV Agusta	Kementerian Kewangan, Khazanah Nasional Berhad dan Proton Holdings Berhad
29.04.2009	Status Perbelanjaan Dan Pelaksanaan Projek Di Bawah RMKe-9	Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perdana Menteri
30.04.2009	Terowong SMART Dan Kawasan Takungan Air Di Jinjang - Lawatan Kerja Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan & Saliran
21.05.2009	Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Pempena Sdn. Bhd.	Kementerian Pelancongan
27.05.2009	Kaedah Menangani Banjir Di Seluruh Negara Dalam Konteks Perubahan Iklim Dan Perancangan Pada Masa Hadapan	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan Dan Saliran
28.05.2009	Laporan Prestasi Dan Ketelusan Pelaburan Lembaga Tabung Haji	Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri dan Lembaga Tabung Haji
10-11.06.2009	Laporan Audit Mengenai Projek Port Klang Free Zone	Kementerian Pengangkutan
17.06.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
23.06.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
01.07.2009	Cadangan Rumusan Mengenai Isu Port Klang Free Zone	
	Soalan-soalan Dikemukakan Kepada Peguam Negara Berkaitan Port Klang Free Zone	

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/ JAWATANKUASA TERLIBAT
15.07.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	Kementerian Pengangkutan
16.07.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
29.07.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
30.07.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
12.08.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
13.08.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
19.08.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
20.08.2009	Perbincangan Mengenai Isu Laporan Port Klang Free Zone	
16.09.2009	Perbincangan Mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berkenaan Isu Port Klang Free Zone	
12.10.2009	Perbincangan Mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berkenaan Isu Port Klang Free Zone	
13.10.2009	Perbincangan Mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berkenaan Isu Port Klang Free Zone	
21.10.2009	Perbincangan Mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berkenaan Isu Port Klang Free Zone	
27-28.10.2009	Perbincangan Mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berkenaan Isu Port Klang Free Zone	
17.11.2009	Perbincangan Ahli-ahli Jawatankuasa Mengenai Perancangan Isu-isu Yang Akan Disiasat Oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 Mengenai Penyata Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/ Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan/Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan	Yang Berhormat Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
18.11.2009	Perbincangan Ahli-ahli Jawatankuasa Mengenai Perancangan Isu-isu Yang Akan Disiasat Oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 Mengenai Penyata Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/ Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan/Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan	
08.12.2009	Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Dan Ipoh	Kementerian Pengangkutan
09.12.2009	Pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad	Kementerian Kewangan
14.12.2009	Pelaksanaan Projek-projek Perumahan Di Bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad	Kementerian Kewangan
16.12.2009	Penyenggaraan Bangunan Sekolah	Kementerian Pelajaran

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/ JAWATANKUASA TERLIBAT
20.01.2010	Kehilangan Dua Enjin Jet Pejuang F-5E	Kementerian Pertahanan
	Pelaksanaan Projek-projek Perumahan Di Bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad	Kementerian Kewangan
21.01.2010	Pembelian Diesel Multiple Unit (DMU)	Kementerian Pengangkutan
26.01.2010	Kehilangan Dua Enjin Jet Pejuang F-5E	Kementerian Pertahanan
27.01.2010	Isu Kualiti Binaan Projek Infrastruktur Awam Di Negeri Terengganu	Kementerian Kerja Raya
23.02.2010	Pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad	Kementerian Kewangan dan Syarikat Prasarana Negara Berhad
10.03.2010	Pelaksanaan Projek-projek Perumahan Di Bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad	Kementerian Kewangan
23-24.03.2010	Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang-Ipoh, Pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad Dan Penyenggaraan Bangunan Sekolah	Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pelajaran
30.03.2010	Pelaksanaan Projek-projek Perumahan Di Bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad	Kementerian Kewangan
14.04.2010	Pengurusan Syarikat Prasarana Berhad Dan Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang-Ipoh	Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan
21.04.2010	Perbincangan Antara Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Ke-12 dengan <i>Public Accounts Committee Of Zanzibar</i>	Yang Berhormat Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan pada tahun 2009 telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun 2008. Ini dapat ditunjukkan dengan prestasi pengurusan kewangan bagi 10 Kementerian adalah pada tahap cemerlang (sangat baik) berbanding dengan 4 Kementerian pada tahun 2008. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2009 pula adalah menggalakkan di mana 4 Jabatan berada di tahap cemerlang berbanding dengan 2 Jabatan pada tahun 2008. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut :-

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Kementerian/Jabatan perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan di semua Kementerian selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 5 Mei 2009 yang menghendaki tindakan-tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal.
- d. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.

- e. Dalam pelaksanaan Sistem eSPKB, urusan bayaran dibuat di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan dokumen yang menyokong juga disimpan di pejabat-pejabat berkenaan. Bagi memastikan bayaran dibuat dengan teratur, disokong dengan dokumen yang lengkap dan diluluskan oleh mereka yang diberikan kuasa, Jabatan Akauntan Negara hendaklah memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat-pusat Tanggungjawab secara terancang.
- f. Segala dasar jabatan, arahan dan penurunan kuasa hendaklah dibuat secara bertulis agar lebih telus dan berakauntabiliti. Piagam pelanggan jabatan hendaklah sentiasa disemak dan dikemas kini supaya perkhidmatan yang diberikan adalah sama seperti yang dijanjikan.
- g. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.
- h. Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/ membuat bayaran yang tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

16 Jun 2010



LAMPIRAN



LAMPIRAN A1

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**


Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan ini telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2009, hasil operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

26 Mei 2010





LAMPIRAN A2

- **PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
- **LEMBARAN IMBANGAN SEPerti PADA 31 DISEMBER 2009**
- **PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**
 - **PENYATA AKAUN MEMORANDUM SEPerti PADA 31 DISEMBER 2009**
- **NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**


PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*, dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dan Penyata Akaun Memorandum berserta dengan Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2009.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2009.



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

5 Mac 2010



DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD
Akauntan Negara Malaysia

5 Mac 2010

Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2009

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2009</i>	<i>2008</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
A WANG TUNAI	6	21,722,318,474	15,401,985,728
B PELABURAN	7	21,813,224,825	16,689,905,873
		<hr/>	<hr/>
		43,535,543,299	32,091,891,601
DIPEGANG BAGI: KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	8	11,863,127,086	11,863,127,086
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	9	8,359,953,459	43,903,430,459
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	10	23,312,462,754	(23,674,665,944)
		<hr/>	<hr/>
		43,535,543,299	32,091,891,601

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009**

	<i>Nota</i>	<i>2009</i>	<i>2008</i>
	11	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN			
Hasil			
Hasil Cukai	106,504,411,011		112,897,303,716
Hasil Bukan Cukai	50,789,238,902		45,911,453,711
Pelbagai Terimaan	1,067,563,070		692,726,217
Hasil Wilayah Persekutuan	278,091,245	158,639,304,228	291,902,544
			159,793,386,188
Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	106,719,903,344		71,683,774,008
Pinjaman Luar Negeri	450,813,027	107,170,716,371	472,269,098
			72,156,043,106
Terimaan Modal			
Terimaan Balik Pinjaman	518,787,580		958,679,588
Jualan Aset Modal	1,340		15,236,312
Pelbagai Terimaan Modal	2,900,657	521,689,577	2,324,368
			976,240,268
Terimaan Lain			
Terimaan Amanah	79,183,036		-
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	6,838,257,836	6,917,440,872	5,064,523,709
			5,064,523,709
Jumlah Terimaan		273,249,151,048	237,990,193,271
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	(42,778,266,363)		(41,010,761,661)
Perkhidmatan dan Bekalan	(26,372,131,596)		(25,196,743,517)
Aset	(2,581,505,478)		(2,835,362,838)
Pemberian dan			
Kenaan Bayaran Tetap	(84,650,079,062)		(83,606,847,197)
Perbelanjaan Lain	(684,976,820)	(157,066,959,319)	(849,169,830)
			(153,498,885,043)
Perbelanjaan Pembangunan			
Langsung	(45,294,239,673)		(40,240,305,788)
Pinjaman	(4,221,115,898)	(49,515,355,571)	(2,607,029,389)
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		(4,291,992,718)	
			(42,847,335,177)
			(1,883,253,345)
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	(5,123,318,952)	(5,123,318,952)	(6,709,844,317)
			(6,709,844,317)
Bayaran Balik Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	(44,194,308,344)		(33,628,189,887)
Pinjaman Luar Negeri	(6,736,883,398)	(50,931,191,742)	(946,017,187)
			(34,574,207,074)
Bayaran Lain			
		-	(17,370,546)
Jumlah Bayaran		(266,928,818,302)	(239,530,895,502)
Lebihan/(Kurangan) Wang Tunai		6,320,332,746	(1,540,702,231)
Wang Tunai pada 1 Januari		15,401,985,728	16,942,687,959
Lebihan/(Kurangan) Wang Tunai		6,320,332,746	(1,540,702,231)
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		21,722,318,474	15,401,985,728

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

**Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2009**

<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2009</u>	<u>2008</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
F ASET			
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	12(a)	73,382,745,119	68,505,057,469
PELABURAN	12(b)	27,751,414,083	25,463,523,640
JAMINAN DEPOSIT BERKANUN	12(c)	39,200,286	38,688,387
G LIABILITI			
HUTANG AWAM	13(a)	362,386,171,110	306,437,413,983
JAMINAN	13(b)	84,314,650,396	69,235,707,622
PELBAGAI LIABILITI	13(c)	173,364,115	175,703,153

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

1. Dasar dan Prinsip Perakaunan

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu:
 - i. Perkara 97 memperuntukkan bahawa segala hasil yang diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii. Perkara 104 memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.

Selaras dengan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

- c) Kerajaan Persekutuan mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Secara am, semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi. Walau bagaimanapun, bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan tersebut boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan berkenaan. Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan tersebut merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan berkenaan.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara

Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tarikh Lembaran Imbangan atau pada tarikh urusan niaga.

2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen seperti berikut:

- a) Lembaran Imbangan.
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai.
- c) Penyata Akaun Memorandum.
- d) Nota kepada Penyata Kewangan.

3. Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka adalah liabiliti yang mungkin menjadi kenyataan sekiranya berlaku peristiwa tertentu seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian.

Pada 31 Disember 2009, Kerajaan Persekutuan mempunyai liabiliti luar jangka sebanyak RM467 juta hasil perjanjian indemniti bagi *Third Party War Risk Liability* dengan Malaysia Airports Holdings Berhad.

4. Akaun Belum Terima

Jumlah terkumpul wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih belum terima seperti pada 31 Disember 2009 adalah RM21,930,769,621.

5. Wang Pendahuluan kepada Kontraktor

Baki pembayaran wang pendahuluan kepada kontraktor yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuhi balik seperti pada 31 Disember 2009 adalah RM1,749,364,360.

LEMBARAN IMBANGAN

6. Wang Tunai - Penyata A

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

- a) Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah mengambil kira urusan niaga yang belum disesuaikan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank. Baki Wang Tunai Dalam Bank seperti pada 31 Disember 2009 berjumlah RM21,070,092,347.
- b) Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam

(disambung...)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

(sambungan)

bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

- c) Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

7. Pelaburan - Penyata B

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku.

- a) Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa.
- b) Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi penukaran pinjaman kepada ekuiti.

8. Akaun Hasil Disatukan - Penyata C

Akaun Hasil Disatukan memperakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Semua lebih hasil tahun semasa dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan kecuali baki terkumpul sebelum tahun 1996 berjumlah RM11,863,127,086.

- a) Hasil - Penyata C1

Hasil diakaun pada jumlah kasar ke Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya mengikut mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], sebahagian hasil cukai pendapatan dipindah ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai bagi tujuan bayaran balik cukai yang terlebih diterima.

- b) Perbelanjaan Mengurus - Penyata C2

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolومن, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah

perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Bermula tahun 2009 perbelanjaan mengurus dilaporkan pada tahap program dan objek am bagi setiap maksud perbelanjaan.

9. Akaun Pinjaman Disatukan - Penyata D

Akaun Pinjaman Disatukan memperakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan. Semua baki bersih pinjaman dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kecuali baki Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sukuk.

Walau bagaimanapun dalam tahun 2009, baki Terbitan Pelaburan Kerajaan terkumpul berjumlah RM64,000 juta telah dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan setelah resolusi Dewan Rakyat diluluskan.

Amaun bandingan tahun 2008 bagi Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan untuk Pinjaman Dalam Negeri dan Luar Negeri telah dinyatakan semula untuk menunjukkan pindahan secara keseluruhan.

10. Akaun Amanah Disatukan - Penyata E

Akaun Amanah Disatukan memperakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Amaun bandingan tahun 2008 bagi baki akaun amanah mengikut kementerian telah dinyatakan semula setelah mengambil kira penyusunan semula kementerian yang berkuatkuasa pada Mac 2009.

- a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan - Penyata E1

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- i. Kumpulan Wang Pembangunan - Penyata E1a

Kumpulan Wang Pembangunan memperakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntuk di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri

(disambung...)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

(sambungan)

daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Amaun bandingan tahun 2008 bagi Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan untuk Pinjaman Dalam Negeri dan Luar Negeri telah dinyatakan semula untuk menunjukkan pindahan secara keseluruhan.

ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan - Penyata E1b

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuh di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42] bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam, pihak berkuasa tempatan serta anggota pentadbiran, perundangan dan kehakiman. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan, pinjaman yang diterima dari bank perdagangan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bayaran balik pinjaman perumahan serta faedah yang diterima.

Sehingga 31 Disember 2009, sebanyak RM27,610,232,924 pinjaman telah disekuritkan kepada Cagamas MBS Berhad yang melibatkan terimaan sebanyak RM21,441,834,689 dengan diskaun RM6,168,398,235. Jumlah ini termasuk enam terbitan penssekuritan tahun semasa sebanyak RM5,417,521,993.

iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan - Penyata E1c

Kumpulan wang ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

b) Kumpulan Wang Amanah Awam - Penyata E2

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada amanah khas yang ditubuh di bawah akta yang berkaitan dan amanah am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah

terimaan daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) adalah akaun amanah awam yang bertujuan membiayai perbelanjaan pembangunan tertentu.

c) Akaun Deposit - Penyata E3

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

11. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua terimaan dan bayaran wang tunai dilapor di dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada hasil, pinjaman, modal dan terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, pembelian instrumen kewangan dan bayaran balik pinjaman. Baki bersih amanah dilapor sebagai terimaan atau bayaran dalam penyata ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum melapor hanya sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dilapor dalam Lembaran Imbangan.

12. Memorandum Aset - Penyata F

Bermula tahun 2009 perbelanjaan Yuran Kepada Pertubuhan Antarabangsa telah dikategorikan semula sebagai perbelanjaan langsung.

Perolehan aset yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah seperti berikut:

a) Pinjaman Boleh Dituntut - Penyata F1

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberi Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, koperasi, syarikat, perseorangan dan pelbagai.

b) Pelaburan - Penyata F2

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam badan berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan saham dalam syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat lain.

c) Jaminan Deposit Berkanun - Penyata F3

(disambung...)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

(sambungan)

Jaminan Deposit Berkanun adalah deposit dalam bentuk selain daripada wang tunai yang dipegang oleh kerajaan tertakluk kepada Akta yang berkenaan.

13. Memorandum Liabiliti - Penyata G

a) Hutang Awam - Penyata G1

Kedudukan hutang awam seperti dilapor dalam Penyata Akaun Memorandum terdiri daripada baki hutang dalam negeri dan luar negeri. Baki hutang luar negeri telah ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2009.

b) Jaminan - Penyata G2

Kerajaan Persekutuan di samping memberi pinjaman langsung, juga menjamin pinjaman badan berkanun persekutuan dan negeri serta syarikat milik kerajaan yang diambil terus dari pelbagai institusi dalam negeri dan luar negeri. Jaminan ini akan menjadi liabiliti kerajaan sekiranya peminjam gagal memenuhi obligasi.

c) Pelbagai Liabiliti - Penyata G3

Bermula tahun 2009 Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat telah dikategorikan sebagai Pelbagai Liabiliti.